# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 23 BILANGAN 27 | RABU 5HB. JULAI, 1978. | 1398 رابو 29 رجب | PERCHUMA




Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz ketika beruchap sa-jurus sa-belum merasmikan Majlis Sambutan Isra' dan Me'raj di-Dewan Raya pada malam Ahad yang lalu.

# TAWAKKAL DALAM MEMASOKI SEJARAH GEMILANG – S.U.K.

**BANDAR SERI BEGAWAN.— Raayat Brunei di-seru bertawakkal kapada Allah s.w.t. pada melangkahkan kaki-kanan ka-hadapan sa-bagai satu kumpolan raksaksa tenaga Islam untok menempoh dan memasoki satu sejarah gemilang di-bawah pimpinan yang bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia.**

Seruan ini di-buat oleh Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz ketika merasmikan sambutan Isra' dan dan Me'raj yang di-siarkan sachara langsong oleh TV Brunei pada malam hari Ahad lepas.

Yang Berhormat menjelaskan, potential Negeri Brunei sudah pun nampak cherah sama ada dalam bidang2 ekonomi, sosial mahupun dari sudut perkembangan politik-nya.

Tetapi, potential yang lebeh penting untok menghadapi perkembangan2 itu ia-lah potential dari tenaga fizikal dan mental pendudok-nya.

Dari sudut potential mental itu-lah, kata-nya, kita wajib menumpukan tenaga dan usaha ka-arah "ta'at dan takwa" yang menjadi thema sambutan itu.

Maksud ta'at itu, jelas Y.B. ia-lah ta'at yang di-tumpukan kapada Allah dan Rasul-Nya dan seterus-nya kapada Ulil Amri yakni orang2 atau pehak berkuasa dari golongan kita orang2 Islam yang sebenar-nya beriman.

Yang Berhormat Pehin menyeru raayat dan pendudok negeri ini, terutama kaum intelek untok sama2 terus-menerus memisi, meneliti, membahathkan dan melingkari konteks masharakat kita akan maksud2 mendalam pada membayangkan haluan bagi raayat dan pendudok negeri ini, menganut dengan penoh keyakinan terhadap perkataan "ta'at" semata2 atas jalan Allah itu.

Mengenai dengan "takwa", Y. B. mengertikan-nya sa-bagai memelihara dan mengawal diri dan chorak pimpinan yang berseh dari di-kotori oleh pengaroh2 shaitan yang mendorong kapada penentangan dan pelanggaran ajaran2 Allah.

Lihat muka 16

## Peraduan membacha Al-Kor'an sa-negeri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamad Bolkiah telah berangkat merasmikan Peraduan Membacha Al-Kor'an Peringkat Dewasa Sa-Negeri yang telah di-langsongkan di-Padang Besar malam tadi.

Sa-banyak 10 orang qari dan qariah yang mewakili Daerah Brunei/Muara, Tutong, Belait dan Temburong telah mengambil bahagian.

Peraduan itu akan berakhir pada malam ini dan seterusnya upachara penyampaian hadiah2 kapada peserta2 yang berjaya.



Kumpolan Nashid Pasokan Bomba yang telah mendapat tempat pertama dalam bahagian lelaki.

# Bukan Islam yang ortodoks tetapi...

BANDAR SERI BEGAWAN. — Hanya Islam sahaja-lah senjata terakhir bagi mempertahankan negara2 di-muka bumi ini dari runtoh atau hanchor di-landa keganasan.

Demikian pendapat Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Setia Usaha Kerajaan, ketika merasmikan sambutan Isra' dan Me'raj yang di-siarkan sachara langsong melalui TV pada malam hari Ahad lepas.

Ajaran2 Islam, kata-nya, tidak pernah lapok, malah sentiasa sa-chuchok dengan zaman dan pengajaran2 Islam itu boleh memenohkan kehendak2 zaman yang melalui-nya.

"Negara Islam, walaupun damit lagi sa-jamput pendudok-nya saperti Brunei ini, jika di-beri peluang dan dengan izin Allah, mampu menyibarkan dan menegakkan shi'ar Islam dengan memperalatkan kemajuan2 yang telah di-chapai di-jurusan sains dan teknoloji tanpa menjejaskan sifat2 hukum Islam", jelas Yang Berhormat.

Sambutan Isra' dan Me'raj yang di-siarkan sa-chara langsong melalui TV itu, kata-nya, ada-lah satu bokti bahawa pengajaran2 Islam itu boleh memenohkan kehendak2 zaman yang melalui-nya.

Y. B. membidas pendapat sa-tengah2 orang yang jahil (sekalipun mereka itu termasok dalam golongan intelekchual dalam bidang professional mereka) yang menganggap bahawa ajaran ugama Allah itu kadang2 ortodoks, kadangkala singkat dan lebeh jauh lagi di-katakan ketinggalan zaman.

"Tetapi, pada perengkat mana Islam itu ketinggalan zaman, sa-jauh mana ia ortodoks, di-sudut mana Islam itu singkat, tidak pula mereka terangkan dengan jelas-nya", kata Yang Berhormat.

Perkara yang sebenar-nya yang tidak dapat di-nafikan, kata beliau, ia-lah bukan Islam yang ortodoks, singkat dan ketinggalan zaman. Sebenar-nya manusia itu sendiri tidak sesuai untok sa-panjang zaman.

Kata-nya lagi, manusia dengan tenaga fizikal dan mental-nya yang selalu kekurangan; manusia dengan falsafah2 dan teori2 yang selalu di-ancham oleh kehendak2 zaman tidak tahan lasak malah berubah2 dan di-baharui mengikut suasana arus perkembangan-nya.

Misal-nya, kata Y.B., falsafah Karl Marx telah di-tindeh2; falsafah Mao Tze Tung telah di-pangkah2 dan falsafah demokrasi sentiasa di-chonteng2 tetapi ajaran Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasul-Nya melalui kitab suchi Al-Kor'an dan Hadith, satu perkataan pun tidak berubah dari sejak ia-nya mula di-kenal oleh umat manusia.

"Islam sentiasa hidup subur dan berkembang, malah kita boleh katakan bahawa Islam sahaja-lah senjata terakhir bagi mempertahankan negara2 di-muka bumi ini dari runtoh atau hanchor di-landa keganasan, kerana manusia sendiri banyak kekurangan-nya," ujar Y.B.

Kata-nya, kita seringkali terjumpa di-beberapa sudut dunia sa-golongan manusia yang dari keolahan dan perchakapan sa-olah2 terunjar2, kuai2 ka-sana ka-mari, terapong2 menchari sa-suatu yang kurang, pada hal kalau di-sukat dari status-quo dan material environment-nya, tidak ada yang kurang.

"Jenis manusia saperti itu akan terus berasa kekurangan, kerana "rational" kemanusiaan-nya sudah terkeluar dari yang di-wajibkan oleh Shara'," kata Yang Berhormat.

Untok itu Y. B. menyatakan bahawa rational keduniaan mereka sudah bertentangan dengan pegangan keakhiratan mereka, sebab itu-lah mereka akan terus terunjar-unjar, terkuai-kuai menchari sa-suatu, mengharapkan sa-suatu yang sebenar-nya telah pun sedia ada tetapi tidak ternampak oleh mereka atau mereka sengaja tidak mahu melihat-nya.

Pelita Brunei
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

5HB JULAI, 1978

# UNDANG2 DADAH MULAI 1HB JULAI 78

DENGAN titah dan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, mulai 1hb Julai, 1978, satu lagi sejarah perundangan di-negeri kita yang bertuah ini telah di-kuat-kuasakan, ia-itu, Undang2 Dadah. Langkah pada menguat-kuasakan Undang2 Dadah itu, ada-lah suatu langkah yang bijaksana dan terpuji — bagi mengekang penyalah-gunaan dadah, pengedar, pemilek, menggunakan tempat dan yang bersubahat dalam perkara tersebut, menjadi suatu kesalahan dan jika thabit kesalahan sa-seorang itu boleh di-jatohkan hukuman yang berat.

Undang2 tersebut bergelar Undang2 Penyalah-gunaan Dadah, 1978 dan di-perbuat menurut perenggan 3 dari Perentah Dharurat. Ia-nya mengandongi empat bahagian dengan 36 bab yang menggariskan kuasa2 mahkamah, kuasa2 pemereksaan dan penggelidahan, hukuman2 dan bahagian 'am. Undang2 itu juga memberi kuasa kapada pehak Pulis, Kastam dan Immigeresen untok melaksanakan tugas2 penchegahan dan pengawalan; terutama pemereksaan terhadap tempat2, rumah2 atau bangunan2 yang di-shaki di-gunakan dalam kegiatan2 penyalah-gunaan dadah. Demikian juga memereksa dan menggelidah kenderaan, kapal2, kapal terbang, hovercraft dan sa-umpama-nya.

Memperdagangkan dadah Kelas "A" dan "B" yang di-kawal tanpa kebenaran boleh di-hukum penjara sa-hingga 20 tahun atau denda $40,000 atau kedua2-nya dan sebat 10 kali. Dadah Kelas "C" jika thabit kesalahan boleh di-kenakan penjara 10 tahun atau denda $10,000 atau kedua2-nya dan sebat 5 kali. Memperdagangkan dadah yang di-kawal tanpa kebenaran terhadap orang2 di-bawah umor 18 tahun, hukuman bagi penggunaan dadah Kelas "A" dan "B" ia-lah penjara 30 tahun atau denda $50,000 atau kedua2-nya dan sebat 15 kali sementara menggunakan dadah Kelas "C" penjara sa-hingga 20 tahun atau denda $40,000 atau kedua2-nya dan sebat 10 kali. Hukuman yang paling rendah dalam bahagian ini ia-lah penjara lima tahun atau denda $10,000 atau kedua2-nya dan sebat tiga kali bagi dadah Kelas "A" dan "B" sementara bagi dadah Kelas "C" hukuman penjara paling rendah tiga tahun atau denda $5,000 atau kedua2-nya dan sebat dua kali.

Pendek kata, Undang2 Dadah, 1978 yang di-kuat-kuasakan mulai pada 1hb Julai, 1978 itu meliputi dari semua aspek kesalahan2, jika thabit kesalahan sa-seorang itu boleh di-penjara atau di-hukum atau kedua2-nya sekali dan rotan. Undang2 itu juga memberi jaminan untok melindongi mana2 pemberi-rahsia atau informer yang memberikan kerjasama bagi melaporkan kegiatan2 penyalah-gunaan dadah itu.

Kapada ibubapa, guru2 sekolah dan penjaga kanak2 serta masharakat 'am-nya, ada-lah di-seru supaya memberikan kerjasama pada mengesankan Undang2 Dadah, 1978 ini tanpa ragu2 atau lengah; kerana ia-nya ada-lah tanggong-jawab masharakat untok mengujudkan keharmonian yang sedang kita nekmati sekarang ini. Tidak ada satu sebab maka Undang2 Dadah itu tidak dapat berjalan dan di-laksanakan dengan sa-baik2; asalkan mendapat kerjasama dan rasa tnggong-jawab seluroh msharakat di-negeri ini. Insha Allah, dengan ada-nya Undang2 Dadah, 1978 sekurang2-nya akan dapat mengekang perbuatan penyalah-gunaan dadah yang di-khuatiri semakin merebak itu!

# Chalun2 di-kehendaki menyemak permohonan pepereksaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Chalun2 Persendirian yang akan mengambil pepereksaan Sijil Am Pelajaran Singapura-Cambridge 'O' Level dan 'A Level (Aliran Melayu) ada-lah di-persilakan datang ka-Lembaga Peperiksaan Brunei dengan sa-beberapa segera yang boleh bagi menyemak dan mengesahkan butir2 mata-pelajaran yang di-ambil serta membetulkan nama2 mereka sekira-nya terdapat apa2 kesilapan ejaan.

Chalun2 juga akan di-kehendaki menanda-tangani pengesahan tersebut sa-telah mereka membuat penyemakan.

Penyemakan ini akan berakhir pada 10hb Julai, 1978, oleh itu chalun2 yang tidak datang untok menyemak atau mengesahkan borang2 permohonan mereka, maka Lembaga Pepereksaan tidak akan bertanggong-jawab sekira-nya terdapat kesilapan2 dalam pemberian sijil dan sa-bagai-nya.

Bagi chalun2 sekolah atau maktab hendak-lah berjumpa dengan Pengetua mereka masing2 bagi perkara yang sama.

Menurut sa-orang juruchakap Lembaga Pepereksaan, sa-ramai 1,291 orang chalun akan mendudoki pepereksaan tersebut dalam Perengkat Biasa ('O' Level) dan 590 orang Perengkat Lanjutan ('A' Level).

Pepereksaan2 tersebut akan di-adakan di-sebelas buah pusat pepereksaan di-Daerah Brunei/Muara; dua di-Daerah Belait dan sa-buah di-Daerah Tutong.

Juruchakap itu berkata, pepereksaan bagi Ujian Lisan Bahasa Inggeris Sa-bagai Bahasa Kedua dan Bahasa China Sa-bagai Bahasa Kedua bagi kedua2 perengkat akan di-adakan mulai 1hb hingga 31hb Ogos, 1978, manakala pepereksaan bertulis akan di-jalankan mulai 13hb November hingga 2hb Disember, 1978.



KAKITANGAN Jabatan Perubatan dan Kesihatan Bandar Seri Begawan telah menderma-kan sa-banyak $550.00 serta pakaian kapada Dayang Zaleha binte Tengah yang telah kehilangan rumah-nya dalam kebakaran dalam bulan Mei lalu.

Derma tersebut telah di-sampaikan oleh Awang Maidin bin Awang Ering di-Dewan Asrama Jururawat kapada Dayang Zaleha (gambar atas).

# Lumba Perahu antara achara sambutan perayaan

PEKAN TUTONG. — Beberapa ranchangan telah di-susun untok mera'ikan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei tahun ini.

Salah satu achara yang telah di-susun ia-lah Temasha Lumba Perahu yang akan di-adakan di-Sungai Tutong pada 20hb ini. Sa-banyak 10 achara perlumbaan termasok empat achara lumba motor sangkut akan di-pertandingkan pada hari itu.

Perlumbaan tersebut ada-lah terbuka kapada pendudok2 daerah itu serta Jabatan2 Kerajaan, pertubohan2 belia, firma2 dan orang perseorangan di-seluroh negeri.

Borang2 penyertaan sekarang boleh di-dapati dari Awang Suhaimi bin Abu Bakar, Jabatan Pertanian Tutong dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 10hb Julai ini.

Peraduan Berjanzi dan Diklamasi Sajak juga akan di-adakan pada 20hb Julai bertempat di-Pandang Bukit Bendera.

Peraduan tersebut ada-lah terbuka kapada persatuan2 belia dan kebajikan dan sekolah2 di-daerah itu.

Borang2 untok menyertai peraduan itu boleh di-dapati dari Awang Mahadi bin Gador, Jabatan Hal Ehwal Ugama dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari esok, 6hb Julai. Pemilehan bagi peraduan itu akan di-adakan di-Dewan Sekolah Ugama Tutong pada hari Ahad, 9hb Julai mulai jam 8.00 pagi.

# Berkursus di-S'pura

BANDAR SERI BEGAWAN.—Sa-ramai 24 orang anggota Pulis Diraja Brunei — 20 orang daripada-nya anggota Pulis Laut telah berlepas ka-Singapura untok menjalani berbagai kursus di-republik itu.

Anggota Pulis Laut itu akan menjalani kursus lanjutan dengan Pulis Laut republik itu sa-lama tiga bulan manakala empat orang anggota pulis termasok dua orang kopral akan menjalani kursus keselamatan lapangan terbang sa-lama sa-minggu.

# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh rendah di-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria: Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula pada 29hb Jun, 1978.

**BANDAR SERI BEGAWAN:**

1. UDANG KERING — $5.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Leong Huat, No. 57, Jalan Sultan.
   b) Liong Yu Company, No. 58, Jalan Sultan,
2. KULAT KERING BERTANGKAI—$2.30 sa-tahil boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Liong Yu Company, No. 58, Jalan Sultan.
   b) Hock Huat, No. 62, Jalan McArthur,
3. KITCHAP (Chap Golden Level) — $1.50 sa-botol boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Hock Huat, No. 62, Jalan McArthur,

**KUALA BELAIT**

1. UDANG KERING — $6.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Yick Yuen, No. 3, Jalan Pretty.
   b) Eng Soon Seng, No. 58, Jalan Pretty.
   c) S. S. Sa'adiah, No. 92, Bangunan Hotel Sentosa,
   d) Chop Hwa Min, No. B, Bangunan Dewan Perdagangan China.
2. KULAT KERING BERTANGKAI—$2.70 sa-tahil boleh di-beli dari kedai berikut:—
   a) Yick Yuen, No. 3, Jalan Pretty.
3. KITCHAP (Chap Golden Level) — $1.50 sa-botol boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Fon Soon, No. 60-A Jalan Pretty.

**SERIA:**

1. UDANG KERING — $5.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Poh Sing, No. 65, Jalan Bunga Kenanga.
2. KULAT KERING BERTANGKAI—$2.60 sa-tahil boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Chop Kun Mee, No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Chop Koh Seng Hang. No, 17, Jalan Sultan Omar Ali.
   c) Chop Nam Wah, No. 64, Jalan Bunga Kenanga.
3. KITCHAP (Chap Golden Level) — $1.60 sa-botol boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Chop Koh Seng Hang, No. 17, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Chop Giap Hin, No. 49B, Jalan Bunga Kenanga.
   e) Soon Kheng, No. 50-B, Jalan Bunga Kuning.
   d) Chop Nam Wah, No. 64, Jalan Bunga Kenanga.

# Pertandingan hadrah sambut perayaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pertandingan Hadrah antara Sekolah2 Persediaan Inggeris dan Melayu di-negeri ia-lah salah satu achara sempena puja usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan di-Daerah Brunei Muara.

Pertandingan itu di-anjorkan oleh Bahagian Kesenian dan Muzik Jabatan Pelajaran akan di-langsongkan pada 23hb Julai di-Sekolah Melayu Amar Pahlawan Berakas.

Sa-ramai 21 buah pasokan yang mengandongi tidak kurang dari 25 orang peserta tiap2 satu pasokan akan mengambil bahagian dalam pertandingan itu.



Awang Mohd. Salleh menyampaikan surat lantekan kapada Pg. Haji Ahmad, Ketua Kampong Tasek Meradun yang baru.

# LIMA ORANG DI-LANTEK MENJADI KETUA KAMPONG

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang Ketua Kampong telah di-naikkan menjadi Penghulu dan lima orang telah di-lantek menjadi Ketua Kampong yang baru bagi Daerah Brunei/Muara.

Surat lantekan kapada mereka itu telah di-sampaikan oleh Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awang Mohd Salleh bin Haji Hidup di-Majlis Mashuarat Bulanan Penghulu2 dan Ketua2 Kampong yang bersidang pada hari Rabu 28hb Jun di-Dewan Kuliah Bangunan Peringatan Churchill.

Awang Haji Ali bin Ahmad, Ketua Kampong Serasa telah di-lantek menjadi Penghulu Mukim Serasa.

Lima orang Ketua Kampong baru itu ia-lah Awang Haji Saat bin Haji Idris, Ketua Kampong Saba Darat 'B'; Awang Haji Kapitan bin Pengarah Haji Besi, Ketua Kampong Setia 'A'; Pengiran Haji Ahmad bin Pengiran Md Daud, Ketua Kampong Tasek Meradun; Awang Haji Ludin bin Hashim, Ketua Kampong Pintu Malim dan Awang Haji Musa bin Pengarah Haji Jair, Ketua Kampong Setia 'B'.



Penghulu Mukim Serasa, Awang Haji Ali bin Ahmad (kiri) menerima surat lantekan yang di-sampaikan oleh Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awang Mohd. Salleh.

## Hadhiri Jambori Pengakap Malaysia yang ke-4

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 120 orang pengakap dan pemimpin pengakap dari negeri ini akan menghadhiri Jambori Pengakap Malaysia yang ke-empat yang akan di-langsongkan di-Kuching dari 23hb hingga 31hb Julai ini.

Rombongan itu akan di-ketuai oleh Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan, Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein, yang juga di-lantek sa-bagai Pesurohjaya Pengakap Kehormat. Timbalan ketua rombongan ia-lah Pesurohjaya Pengakap Daerah Belait, Awang Damit bin Haji Awang Chuchu.

Kumpolan pertama dari rombongan itu akan bertolak pada 21hb Julai dengan kapal laut melalui Miri dan di-ikuti pula degan rombongan yang kedua melalui udara pada hari yang berikut-nya.

Satu perkhemahan khas bagi ahli2 rombongan itu telah di-adakan di-ibupejabat Pengakap Gadong pada 1hb dan 2hb yang lalu.

## Jagoh2 silat dan kuntau ka-peraduan perengkat negeri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Daerah2 Brunei/Muara, Belait dan Tutong masing2 akan di-wakili oleh dua orang jagoh silat dan kuntau ka-peraduan perengkat negeri yang akan di-adakan di-sini sa-bagai salah satu achara sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

Jagoh2 silat dan kuntau di-daerah itu telah di-pileh dalam peraduan2 perengkat daerah yang telah di-adakan bulan lalu.

Daerah Brunei/Muara akan di-wakili oleh Awang Laki bin Haji Mohd Zain dalam peraduan silat dan Awang Haji Suhaili bin Haji Bakar dalam peraduan kuntau.

Kaptan Pengiran Haji Jaluddin bin Pengiran Mustapha dan Awang Suhaili bin Ahmad masing2 akan mewakili Daerah Tutong dalam peraduan silat dan kuntau.

Johan silat Awang Ibrahim bin Tahir dan johan kuntau Awang Abdul Rahman bin Timbang akan mewakili Daerah Belait.

Peraduan Silat dan Kuntau Perengkat Negeri itu akan di-adakan di-Perkarangan Istana Darul Hana pada 15hb Julai ini.



## Pertunjokan2 Pertanian

KUALA BELAIT. — Pertunjokan Pertanian Daerah Belait akan di-adakan di-Steshen Pertanian Sungai Liang pada hari Ahad 17hb September akan datang. Pertunjokan tahunan yang di-anjorkan oleh Jabatan Pertanian itu juga di-adakan sa-bagai salah satu achara sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-32 tahun bagi daerah itu.

Sa-banyak tujoh jenis barang2 akan di-pertandingkan dalam pertunjokkan tersebut ia-itu bijirin, jenis sayoran, jenis ubi, jenis buah2an, jenis2 tanaman dan perusahaan, ternakan, masakan dan pertukangan tangan.

Peladang2 yang ingin menyertai pertunjokkan yang berkehendakan keterangan lanjut, boleh-lah berhubong dengan pegawai pengembangan daerah tersebut.

Sementara pertunjokkan yang sama bagai Daerah Brunei/Muara akan di-adakan di-steshen Pertanian Kilanas pada hari Ahad 1hb Oktober.

## Perubahan jadual bertolak

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jadual bertolak kapal penumpang ke-Pelabohan Victoria, Labuan akan di-ubah buat sementara sa-lama dua minggu.

Menurut pengumuman yang di-buat oleh Pengarah Laut, Brunei bahawa mulai 29hb Jun yang lalu hingga 13hb Julai ini, kapal2 Kerajaan itu akan bertolak dari Tambatan Penumpang Bandar Seri Begawan pada jam 9.00 pagi kechuali pada hari Isnin 3hb dan Jumaat 7hb Julai, kapal tersebut akan bertolak saperti biasa ia-itu jam 7.45 pagi.

Kenyataan itu menambah bahawa jadual bertolak dari Pelabohan Victoria, Labuan bagaimana pun tidak berubah ia-itu jam 2.30 petang.

## Pas maseh boleh di-gunakan

MUARA. — Ada-lah di-umumkan bagi pengetahuan orang ramai bahawa Pas2 Keselamatan Tetap yang ada pada masa ini yang berakhir pada 30hb Jun, 1978 akan tetap sah bagi penggunaan masok ka-Pelabohan Muara sa-hingga di-beritahu kelak.

Sistem2 pas yang ada pada masa ini ada-lah sedang di-pertimbangkan balek oleh pehak Jawatan Kuasa Keselamatan Pelabohan dan pemegang2 pas keselamatan tetap akan di-beritahu kemudian apabila pas2 mereka akan di-baharui.

Pengeluaran pas2 sementara akan di-teruskan saperti biasa di-Rumah Jaga Pelabohan kapada mereka2 yang mempunyai alasan yang munasabah untok masok ka-Pelabohan.

## Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 8hb. hingga 13hb. Julai, 1978

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Birau | 8.7.1978 | Sabtu | 1.30– 2.30 petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | 8.7.1978 | Sabtu | 2.45– 3.45 " |
| Sekolah Melayu Lamunin | 8.7.1978 | Sabtu | 4.00– 5.00 " |
| **Sekolah Inggeris Berakas (Bahagian Rendah)** | 10.7.1978 | Isnin | 2.00– 3.00 petang |
| Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan | 10.7.1978 | Isnin | 3.30– 5.30 " |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 11.7.1978 | Selasa | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Dato Mahawangsa, Lambak | 11.7.1978 | Selasa | 10.30–11.30 " |
| Sekolah Melayu Dato Gandi | 12.7.1978 | Rabu | 8.30– 9.00 " |
| **Sekolah Melayu Serasa** | 12.7.1978 | Rabu | 10.00–10.30 " |
| Sekolah Melayu Mentiri | 12.7.1978 | Rabu | 10.45–11.15 " |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar | 12.7.1978 | Rabu | 11.30–12.00 T/hari |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong, Serasa | 13.7.1978 | Khamis | 3.15– 4.15 petang |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong Mesjid Lama, Muara | 13.7.1978 | Khamis | 4.30– 5.30 " |

# BWI TO CELEBRATE H.H. BIRTHDAY

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Brunei Women's Institute will celebrate His Highness the Sultan's birthday this month with three different items to be held in the Brunei Muara, Tutong and Temburong districts.

The celebrations will consist of a flowers show, a domestic science exhibition and three baby shows.

The first of these will be the domestic science exhibition at the SUAS Malay School in Muara on 21st July starting at 8.00 a.m.

Later the same day one of the baby shows will be held at Muda Hashim Secondary Malay School in Tutong commencing at 1.30 p.m.

The other two baby shows will take place at the Town Hall here and the Dewan Ria in Bangar on 28th and 30th July respectively.

Each baby show is divided into four sections — for babies aged four to eight months; over eight months to twelve months; over twelve months to eighteen months; and over eighteen months to twenty-four months.

Entry forms for the baby show are available from clinics and hospitals in the respective districts.

The forms must be returned one week before the date of the show.

The flowers show will be held at the Town Hall here from 22nd to 25th July.

The show is open to members of the public but not to commercial horticultural gardens.

It is divided into three sections namely orchids; non-orchid varieties; and flower arrangement.

The first three winners in each section will receive cash prizes.

Visitors to the show who wish to buy any of the flowers on display may do so on 25th July from 8.00 a.m. to 12.00 noon.

Those who wish to take part in the show should send in their flowers, which must be in normal sized pots, to the Town Hall here on 22nd July at 2.00 p.m. while exhibits to be entered in the flower arrangement section should be taken to the same venue on 23rd July between 7.00 a.m. to 8.00 a.m.

Participants who require transport for their flowers an exhibits are asked to contact the BWI Secertary-General, Dayang Hajjah Shamsiah binte Abdul Latif, at the Municipal Office here or phone BSB 24151.

## 24 off to Singapore

BANDAR SERI BEGAWAN. — Twenty members of the Royal Brunei Police Force left for Singapore on Sunday to attend courses in the republic.

Twenty of them will be attached to the Singapore Marine Police Centre for two months while the rest will attend a week long course on airport security.

In the evening of the same day, twenty-eight members of the force returned home after attending courses in Hong Kong and Singapore.

Of the twenty-eight officers, two attended a course on outboard motor in Hong Kong while the remainder — six women and twenty men — respectively attended airport security and marine courses in Singapore.

## Permanent port passes

MUARA. — The present series of Permanent Port Security Passes, which were supposed to expire on 30th June, will remain valid for entry to the Muara Port until further notice.

The Acting Controller of Ports, Mr. Anthony Chin, announcing this said the present system of passes is under review by the Port Security Committee and holders of permanent passes will be informed later if their passes may be renewed.

Mr. Chin said temporary passes will continue to be issued as usual at the Port Gate House to persons who have legitimate reasons to enter the Port.

## Golf tourney

PENGKALAN SIBABAU. — About twenty golfers will take part in two tournaments to be held at the golf course here this month.

The tournaments are being organised as part of His Highness the Sultan's birthday ceelbrations.

The first tournament will be held this Sunday for the Hong Kong and Shanghai Bank trophy while the second will be for His Highness the Sultan's trophy and will be played the following Sunday.

Both tournaments will start at 7.00 a.m.

## 3 to represent Brunei in boxing tourney

BANDAR SERI BEGAWAN.—Brunei has selected three boxers to represent her in the inter-territprial boxing championships between Brunei, Sarawak and Sabah in September.

The three are Mohammad Shari Haji Mudin who will represent Brunei in the Bantamweight Division; Haji Rauf Haji Serudin in the Featherwieght Division; and Nordin Lamat in the Light Welterweight Division.

They were chosen after winning their fights in the respective divisions at the National Boxing Championship organised by the Brunei Amateur Boxing Association at the Youth Centre here on Thursday and Friday nights last week.

The Director of Welfare, Youth and Sports, Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain, who is also the President of the Brunei Amateur Boxing Association, presented the prizes to the winners.



Nordin Lamat (right), the winner of this Light Welterweight bout, taking a swing at his opponent, Jameah Durani.



The Brunei Muara District Assistant Agricultural Officer, Awang Nayan bin Gambor (wearing spectacles) briefing some of the visitors on the watermelon farm. Small huts in the background are "durongs" where harvested paddy is kept.

## Agricultural Day

GADONG. — The Brunei Muara District Extension Section of the Agriculture Department last Wednesday held an "agricultural day" at the Kampong Tanah Jambu watermelon farm here.

Farmers, ketuas dan penghulus from Kampong Sengkurong, Serasa, Kapok, Berakas and Pangkalan Batu numbering about seventy in all were invited to see the ten-acre watermelon farm of the Kampong Tanah Jambu people.

The visitors were briefed on how land that was planted with paddy could be used after harvesting to cultivate watermelon by simply draining away the muddy water.

The Deputy Director of Agriculture, Awang Abdul Hamid bin Jaafar and other senior officers of the department were among those present.

## SEPAK TAKRAW

BANDAR SERI BEGAWAN.—The Brunei Muara District will be represented in the state finals of the sepak takraw tournament on July 25th here by four teams.

They are Kelab Intan 'A' and the First Flotilla in Division 'A' and Pergerakan Belia Bersatu Bunut and Kelab Intan 'B' in Division 'B' of the championship.

The teams were chosen to represent the district after winning the district level tournament held at the Youth Centre here recently.

The tournament is organised by the Brunei Malay Teachers Association as art of the celebrations to mark the thirty-second birthday of His Highness the Sultan this month.

Four teams — Persatuan Kubu, Persatuan Perkasa, Pergerakan Belia Bersatu Bunut and Kelab Intan — will also represent the district in the finals to select the team that can play the longest game without dropping the ball on the ground.

## Teachers attend music course

SERIA. — Thirty teachers including four women from fourteen primary and secondary schools in the Belait District are currently attending a three-week music course at the Mohammad Alam Secondary Malay School here.

The course which began just over a week ago is the fifth of its kind organised by the Music and Art Section of the Education Department.

The participants are being taught by an instructor, Awang Mohammad Jaafar bin Mohammad Rais.

An introduction speech was delivered by the Assistant Organiser of Music and Art, Awang Mohammad bin Haji Yassin at the start of the course.

## Tug-of-war first rounds begin

BANDAR SERI BEGAWAN. — Preliminary rounds of the Brunei Muara District tug-of-war contest started at the padang here last week.

More than forty teams representing youth and welfare association, government departments, firms, schools and colleges, and kampongs are taking part in the tournament which is divided into two sections namely for those above 150 pounds and below 150 pounds in weight.

The tournament is yet another item in the Brunei Muara District's programme to celebrate the Sultan's birthday this month and is organised by the birthday celebrations executive committee and supervised by the PATUH Association.

## Annual sports meet

BANDAR SERI BEGAWAN.—The Bebuloh Malay School became overall winner in the eighteenth annual sports meet for schools in Brunei Division Three held at the Masin Malay School last Monday.

More than four hundred students from twenty schools competed in the twenty field and track events.

The Junjongan Malay School won second place and the Baru2 Malay School third.

Last year the championship was won by the Panchur Murai Malay School.

The Brunei Muara Assistant District Officer Awang Abdul Hamid bin Ismail declared the meet open while the Ketua of Kampong Masin, Awang Haji Zaman bin Haji Abdul Kadir presented the prizes to the winners.

## Off to U.K.

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Education Department Scholarships and Welfare Officer, Awang Mahadi bin Wasli last Monday left for the United Kingdom where he will serve for two years as an Offier at the Students Unit of the Brunei Government Agency Office in London.

He is replacing Pengiran Mustafa bin Pengiran Metassan who has completed his two-year service there.

Awang Wasli who was accompanied by his wife was seen off at the International Airport by the Director of Education Awang Ahmad bin Haji Jumat and senior officers from the department.

# JAUHKAN SIKAP MENDUSTAKAN AJARAN2 ALLAH S.W.T.




BEBERAPA hari sahaja lagi kita akan menyambut atau memperingati Isra' dan Me'raj, yang sa-tiap tahun di-adak an di-negeri ini. Pada tahun ini, sambutan kita berthemakan "TA'AT DAN TAKW A", dua perkataan yang lazim kita dengar dan bahkan selalu menyebut-nya. Maana kedua-nya hampir2 serupa, kerana itu dalam khutbah ini kita akan sebut sa-bagai "IMAN DAN TAKWA."

"IMAN DAN TAKWA" ada-lah merupakan kunchi keselamatan dan kemaamoran. Sa-balek-nya kufur dan derhaka, menolak dan mendustakan ajaran2 Allah, ada-lah pokok pangkal kebinasaan. Tafsiran takwa itu, bermaana mematohi segala perintah Allah, memelihara diri dari kejahatan dan maksiat. Dan inilah perbekalan hidup yang membawa berkat dan perhiasan yang amat indah. Firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-A'raf ayat 96; kira2 bermaksud: *"Dan jika sekira-nya penduduk negeri itu beriman dan bertakwa, neschaya Kami bukakan kapada mereka keberkatan langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan, lalu mereka Kami seksa di-sebabkan apa yang mereka lakukan"*.

Daripada ayat ini dapatlah di-fahamkan, bahawa iman dan takwa itu adalah menjadi kunchi bagi terbuka-nya keberkatan langit dan bumi, yang akan di-terima oleh pendudok sa-sebuah negeri itu. Tetapi sa-balek-nya, derhaka kapada Allah dan mendustakan ajaran2-nya, akan mengakibatkan turun bala dan seksa daripada-nya.

Menurut pendapat para ulamak, bahawa yang di-maksudkan dengan keberkatan dari langit itu, ia-lah berupa pimpinan, taufik dan hidayat untok menegakkan kebenaran. Sementara keberkatan di-bumi pula ia-lah kekayaan yang bersifat mata benda saperti hasil mahsul bumi yang banyak dan menchukopi buat keperluan raayat dan pendudok dalam negeri, sa-hingga dengan itu bebas-lah pendudok negeri tersebut dari kemiskinan dan kemalaratan hidup, berbahagia-lah mereka rukun dan damai, tidak ada jenayah dan churang yang membawa mereka senantiasa dalam ketakutan. Kerana itu jangan kita hairan, jika keamanan dan kestabilan hidup dalam sa-sebuah negeri itu selalu atau mulai tergugat, pasti-lah itu berpuncha dari maksiat dan perbuatan melanggar hukum2 Allah Ta'ala.

Oleh kerana itu wahai kaum Muslimin! sa-bagai menyempurnakan chita2 kita bagi memperolehi keamanan dan kemaamoran serta keredzaan-Nya, di-akhirat, wajib-lah kita seluroh umat Islam dan pendudok negeri ini menjadi orang2 yang senantiasa bertakwa dan beriman kapada Allah. Jauhkan-lah sikap mendustakan ajaran2-Nya, baik dalam perkataan dan apa-tah lagi dengan perbuatan. Manakala ini dapat kita chapai, maka baru-lah dapat kita harapkan terbuka-nya pintu berkat daripada Allah, berkat yang membawa kita maamor, aman dan selamat di-dunia dan di-akhirat. Amin, amin ya rabbil alamin.

# BANYAKKAN KEGIATAN AMAL KEBAJIKAN DI-MASJID

PETIKAN uchapan Y.B. Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal, Kadhi Besar Brunei di-pembukaan rasmi Masjid Jerudong dan Majlis Makan Tahun pada hari Ahad, 25hb Jun, 1978.

WALAUPUN penglibatan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia menerusi berbagai2 jabatan samada dari segi kewangan dan perkhidmatan2 lain-nya turut memainkan peranan dalam pembenaan-nya, tetapi sumbangan daya usaha dan pengorbanan, fikiran, tenaga dan wang ringgit dari orang ramai khas-nya para pendudok kampong ini patut-lah juga di-sanjong tinggi, saya harap semangat sentiasa mahu berusaha dan berkorban di-kalangan orang ramai Islam saperti ini akan lebeh banyak lagi menghasilkan berbagai2 kejayaan khas-nya pada melaksanakan perkara2 yang berguna lagi berkebajikan di-masa2 akan datang.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang menjadi Ketua Ugama Islam di-negeri ini berserta Kerajaan Baginda ada-lah sentiasa mengambil berat terhadap shi'ar2 Ugama Islam di-negeri ini. Ini ada-lah dapat di-buktikan dengan terdiri-nya bangunan2 masjid yang tersergam indah di-bandar2 dan di-kampong2.

Ada sa-tengah2-nya masjid2 itu di-dirikan dengan perbelanjaan sa-penoh-nya oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia dan ada pula yang di-berikan bantuan bagi menchukopi perbelanjaan pembenaan-nya di-samping perbelanjaan2 yang di-tanggong oleh orang-ramai.

Dan pada tahun2 kebelakangan ini Kerajaan Duli Yang Maha Mulia sudah pun membena beberapa buah masjid kampong dengan chara perbelanjaan yang di-tanggong sa-penoh-nya oleh Kerajaan. Usaha2 yang berkebajikan ini ada-lah di-buat untok meningkan lagi taraf bangunan2 masjid di-negeri ini supaya bertambah kokoh dan chantek dan memberi kemudahan dan keselesaan kapada orang2 Islam beramal ibadat di-masjid2 yang berkenaan.

Di-samping itu beberapa buah masjid lagi yang baru yang di-ranchangkan akan di-bena oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia pada masa2 yang akan datang yang sa-tengah-nya telah pun di-sediakan peruntokan2 tertentu dan maseh menunggu perlaksanaan pembenaan-nya.

Umat Islam di-negeri ini patut-lah bershukor di-atas usaha2 Kerajaan Duli Yang Maha Mulia membena masjid2 tersebut yang payah terdapat di-setengah2 negeri lain, lebeh2 lagi di-mana umat Islam bernaung hidup di-bawah negeri2 yang bukan Islam.

Orang2 Islam beramal ibadat di-masjid2 dan di-surau2 dan di-mana2 juga di-negeri ini sa-chara aman dan tenteram patut-lah jangan di-lepaskan begitu sahaja oleh umat Islam.

Keadaan aman dan tenteram serta banyak-nya rumah2 ibadat saperti masjid2 di-negeri ini ada-lah merupakan nekmat dari Allah s.w.t. jua bagi menchuba kita sa-jauh mana kita berbakti kapada-Nya. Allah telah mensifatkan di-dalam Kor'an, bahawa orang yang paling mulia di-sisi Allah ia-lah orang2 yang paling bertakwa, ia-itu orang yang beriman dan senantiasa menjalankan perentah2 Allah dan banyak berbakti kapada-Nya serta menjauhi dari melanggar larangan2-Nya.

Bangunan2 masjid yang indah tersergam belum-lah menchukopi kalau tidak di-sertai dengan usaha2 umat Islam memakmorkan-nya. Memakmorkan masjid bukan sa-takat memasang bendera hijau, hitam dan puteh, ia-itu bendera yang tertentu bagi masjid2 di-negeri ini sahaja, tetapi memakmorkan masjid ada-lah juga dengan banyak chara.

Di-antara-nya termasok-lah meramaikan bilangan para jemaah yang bersembahyang jumaat, bukan meramaikan waktu sembahyang hari raya puasa sahaja. Begitu juga meramaikan bilangan yang hadhir pada tiap2 sembahyang fardhu, mengadakan kelas2 pelajaran ugama atau Kor'an dan sa-bagai-nya di-masjid. Membanyakan kerja2 amal kebajikan saperti mengadakan cheramah2 atau sharahan2 ugama dan lain2 kegiatan yang kebajikan di-masjid.

Saya berseru kapada umat Islam di-seluroh negeri ini yang agak lemah kegiatan-nya supaya berikhtiar menchari jalan dengan semangat kerjasama dan ikhlas, supaya meningkatkan lagi kegiatan2 yang berchorak keugamaan di-masjid2 selain daripada sembahyang2 jumaat, hari raya dan sembahyang2 fardhu demi untok memajukan lagi perkembangan Ugama Islam di-negeri ini.

(BERSAMBONG)

# Cheramah nikah kahwin

TELISAI.—Satu cheramah mengenai berbagai aspek nikah-kahwin yang termasok juga bagaimana mengurangi masaalah2 perkahwinan dari segi ugama Islam telah di-adakan di-Dewan Sekolah Melayu Telisai pada hari Ahad minggu lalu.

Cheramah tersebut telah di-sampaikan oleh sa-orang pegawai kanan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Tengah.

Turut menyampaikan cheramah ia-lah Ketua Seksi Ugama dan Pendidekan Majlis Belia2 Negeri Brunei, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Haji Damit.

Cheramah tersebut di-anjorkan oleh Majlis Belia2 Negeri Brunei dan di-kendalikan oleh Persatuan Primet dan Pemda.



KELIHATAN Y.B. Pehin Datu Imam memotong pita bagi menandakan rasmi-nya pembukaan masjid baru Jerudong.

# *Rasmikan masjid baru Jerudong*

JERUDONG. — Kira2 300 orang jemputan dan pendudok kampong di-sini telah hadhir meramaikan majlis pembukaan rasmi bangunan masjid yang juga di-salajurkan dengan majlis makan tahun pada pagi Ahad, 25hb Jun yang baru lalu.

Majlis tersebut yang di-langsongkan di-perkarangan masjid berkenaan telah di-rasmikan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid, Kadhi Besar Brunei yang telah beruchap di-majlis itu (uchapan beliau di-siarkan sa-bahagian-nya mulai keluaran minggu ini dan bersambong minggu hadapan).

Johan Qari Musabaqah Membacha Al-Kor'an peringkat Antarabangsa 1977, Awang Haji Mashud bin Haji Awang Damit telah turut memperdengarkan bacha'an nya sa-bagai memulakan achara pagi itu.

Turut beruchap di-majlis itu termasok-lah Ketua Kampong, Awang Jeludin bin Nayan dan Kadhi Daerah Brunei dan Muara, Awang Metusin bin Timbang.

Dalam majlis itu juga wakil dari Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Awang Sharif bin Haji Mohd Naweh telah menyampaikan sumbangan mereka yang berupa pembesar suara bagi masjid berkenaan yang telah di-terima oleh Kadhi Daerah Brunei dan Muara.

Sa-lepas upachara menggunting pita bagi menandakan saat perasmian masjid berkenaan, Yang Berhormat Pehin Datu Imam berserta jemputan2 khas yang berugama Islam telah membawakan zikir 'Ashrakal'. Kemudian-nya Yang Berhormat itu juga telah melakukan penanaman sa-pohon pokok buah mangga di-perkarangan masjid itu yang di-ikuti pula dengan jamuan makan tahun.

Masjid tersebut telah di-bina dengan harga kira2 $28 ribu yang sa-bahagian-nya di-perolehi dari kutipan derma seluroh negeri dan pendudok2 kampong serta bantuan dari Kerajaan.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari, terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan** Temburong mulai dari hari Rabu 5hb Julai, 1978 hingga ka-hari Selasa 11hb Julai, 1978 ada-lah saperti **di-bawah ini: —**

| Hari Bulan | Dzuhor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 5hb Julai | 12.29 | 3.51 | 6.41 | 7.52 | 4.38 | 4.53 | 6.11 |
| 6hb Julai | 12.30 | 3.51 | 6.41 | 7.52 | 4.39 | 4.54 | 6.12 |
| 7hb Julai | 12.30 | 3.51 | 6.41 | 7.52 | 4.39 | 4.54 | 6.12 |
| 8hb Julai | 12.30 | 3.51 | 6.41 | 7.52 | 4.39 | 4.54 | 6.12 |
| 9hb Julai | 12.30 | 3.51 | 6.41 | 7.52 | 4.39 | 4.54 | 6.12 |
| 10hb Julai | 12.30 | 3.51 | 6.41 | 7.52 | 4.39 | 4.54 | 6.12 |
| 11hb Julai | 12.31 | 3.51 | 6.42 | 7.53 | 4.40 | 4.55 | 6.13 |

**Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**

BERIKUT ia-lah petikan uchapan, Awang Ahmad bin Haji Jumat, Pengarah Pelajaran Brunei di-upachara Perasmian Penubohan Pasokan Kadet Pulis Diraja Brunei bagi Daerah Belait bertempat di-Pasokan Simpanan 'A', Pulis Diraja Brunei, Panaga pada 15hb Jun yang baru lalu.

## Penubohan Pasokan Kadet Pulis:

# MEMBANTU PEMUDA2 KA-ARAH KESEMPURNAAN PEMBANGUNAN SOSIAL

DENGAN kejayaan penubohan Pasokan Kadet Pulis Daerah Belait hari ini, yang datang-nya dari hasil usaha Pasokan Pulis Diraja Brunei dengan Sekolah2 Menengah di-Daerah ini, ada-lah suatu usaha yang amat baik kerana melalui penubohan ini akan dapat membawa atau membantu pemuda2 kita ka-arah kesempurnaan pembangunan sosial.

Dalam suasana sekarang ini pemuda2 kita sering terdedah kapada anasir2 jahat saperti merosak harta benda awam, terlibat dalam penyalah-gunaan dadah, berambut panjang, dan berkelakuan tidak senunoh yang bertentangan dengan adat resam ketimoran orang2 kitani di-Brunei. Saya perchaya dengan ramai-nya penuntut2 kita melibatkan diri dalam pasokan ini akan dapat menghindarkan diri dari terlibat ka-dalam jurang yang tidak di-ingini saperti yang tersebut di-atas. Oleh itu penyertaan penuntut2 ka-dalam pasokan ini wajib-lah di-galakkan dan di-jadikan sa-bagai salah satu kegiatan di-luar bilek darjah bagi mengisi waktu lapang penuntut2 dengan kerja2 yang berkebajikan.



AWANG Ahmad sedang beruchap di-upachara tersebut yang juga di-hadhiri oleh pegawai2 kanan Pulis serta pegawai2 kanan Kerajaan.

Dari hasil kejayaan penubohan pasokan ini akan dapat memberikan peluang yang amat berguna kapada penuntut2, kerana melalui penyertaan kapasokan ini, penuntut2 akan dapat serba sedikit pengetahuan atau pengalaman2 dalam pasokan Pulis di-samping dapat melateh diri penuntut2 supaya sentiasa patoh kapada peratoran2 dan undang2 serta sentiasa hidup dalam berdisiplin.

Sebab dalam kerjaya pasokan Pulis, perkara2 di-atas amat perlu di-jadikan amalan oleh sa-tiap ahli Pasokan Kadet Pulis. Selain daripada itu kegiatan saperti ini dapat membantu penuntut2 untok menchapai taraf kesihatan tuboh badan yang lebeh baik, sebab setahu saya Pasokan Kadet ini sering juga mengadakan latehan2 pergerakan tuboh badan, misal-nya dalam latehan kawat atau perbarisan dan lain2 aktiviti sokan.

*penuntut2 akan dapat serba sedikit pengetahuan atau pengalaman2 dalam pasokan Pulis di-samping dapat melateh diri penuntut supaya sentiasa patoh kapada peratoran2 dan undang2 serta sentiasa hidup dalam berdisiplin.*

Dasar dan matalamat pendidekan boleh di-jelaskan saperti berikut untok mendidek manusia menjadi warga masharakat yang berguna; berperi kemanusiaan; yang bertata-susila; yang berdikari; yang chekap menghadapi masa'alah hidup sa-hari-hari dan yang mematohi undang2 serta hukum susila ugama.




Langkah2 untok menchapai ka-matalamat ini pada pendapat saya ada empat kelompok mata-pelajaran yang penting sa-bagai asas dalam pendidekan; PERTAMA: Bahasa, termasok-lah Bahasa Inggeris. KEDUA: Ilmu Sains dan Hisab — termasok semua-nya mereka. KETIGA: mata-pelajaran yang boleh di-katakan Sains Kemasharakatan termasok Tawarikh, Ilmu Alam dan sa-bagai-nya. Dan KEEMPAT yang patut kita tegaskan sekarang ini yang sama mustahak-nya dengan mata-pelajaran lain — ia-lah sivik, akhlak, ugama, pendidekan kewarganegaraan dan pendidekan yang di-dapati di-aktiviti luar sekolah saperti hari ini.

Apa yang saya maksudkan di-sini, katakan-lah sa-orang murid itu bagus dalam bahasa, bagus dalam sains, tetapi tidak mempunyai kualiti akhlak dan dedikasi dan disiplin maka barangkali keadaan begini tidak akan menjamin peranan-nya dalam masharakat atau terhadap diri-nya sendiri. Dalam perlaksanaan dasar pelajaran, pelajaran baru ini menentukan supaya keempat jenis kelompok mata-pelajaran ini di-beri perhatian yang sama dan seimbang.

— Bersambong —

## Lebeh 500 orang penuntut Brunei di-seberang laut hingga Jun 77

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 352 orang penuntut Brunei telah melanjutkan pelajaran mereka di-berbagai institusi dan pusat pengajian tinggi di-seberang laut sa-hingga akhir bulan Jun 1977.

Bilangan tersebut ada-lah merupakan mereka yang telah menuntut dengan biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menerusi Jabatan Pelajaran di-berbagai pengajian diploma dan ijazah di-negeri2 United Kingdom, Australia, New Zealand, Kanada dan Singapura.

Dari jumlah itu sa-ramai 111 orang penuntut telah belajar di-perengkat menengah, 52 orang daripadanya menuntut di-Singapura dan 59 orang lagi di-United Kingdom. Sementara masing2 sa-orang di-Australia dan Kanada telah menuntut di-perengkat diploma atau ijazah, dua di-New Zealand dan dua di-Singapura serta 181 orang di-United Kingdom juga di-perengkat yang sama.

Sa-orang di-Singapura dan lima yang lain di-United Kingdom telah menuntut di-perengkat lepasan siswazah dan 36 orang lagi menuntut ilmu perguruan serta 12 orang yang lain di-jurusan jururawat di-United Kingdom.

Sementara yang menuntut dengan biasiswa Sharikat Minyak Shell, chuma 30 orang sahaja telah menuntut di-United Kingdom di-perengkat diploma atau ijazah di-samping dua orang penuntut lepasan siswazah telah menuntut dengan biasiswa Borneo Straits Offshore Limited di-perengkat yang sama di-Singapura.

Sa-ramai 188 orang penuntut telah juga menuntut dalam tempoh yang sama dengan perbelanjaan persendirian termasok 96 orang menuntut di-perengkat menengah di-Australia, Singapura dan United Kingdom, 53 orang di-perengkat diploma atau ijazah di-Taiwan dan United Kingdom serta sa-orang dalam latehan perguruan dan 38 orang di-pengajian jururawat telah menuntut di-United Kingdom.



SA-BAHAGIAN dari anggota Kadet Pulis dari lima buah sekolah menengah dan maktab Daerah Belait melafadzkan ikrar pasokan di-upachara penubohan itu.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

**Pehak Radio Talivshen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.**

## RABU — 5HB. JULAI,

PETANG

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 ENCYCLOPAEDIA BRITANNICA
Program yang terakhir dalam siri ini.
6.28 ADVENTURES OF MUHAMMAD ALI — Program terakhir.
6.41 AZAN MAGHRIB
6.45 ADVENTURES OF MUHAMMAD ALI — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HAWAII FIVE O —
"Two Doves and Mr. Heron".
7.52 AZAN ISHA
7.56 HAWAII FIVE O — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 MAJLIS PERBINCHANGAN
9.00 BEWITCHED
"A Safe and Sare Halloweer"
9.30 CELEBRITY CONCERT —
"Sergio Mendez"
10.20 PERLAWANAN GUSTI
11.20 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 6HB. JULAI,

PETANG

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 HOT WHEELS
6.30 THE SECRET OF ISIS
6.41 AZAN MAGHRIB
6.56 THE SECRET OF ISIS — sambongan



MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HOW THE WEST WAS WON
"Macahans" — Bahagian pertama.
7.52 AZAN ISHA
7.56 HOW THE WEST WAS WON — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 PERTANDINGAN BACHAAN AL-KORAN BAGI PERENGKAT DEWASA.
10.00 TAYANGAN FILEM MELAYU
12.00 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 7HB. JULAI,

PETANG

5.15 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.17 CHOMAT DAN CHOMEL —
5.30 HERE COMES MUMFIE —
"Uncle Samuel Has a Cold"
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SAYANG ADEK-KU SAYANG
6.30 THE MUPPETS — Siri baru bahagian pertama.
6.41 AZAN MAGHRIB
6.45 THE MUPPETS — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 MUSICAL SPECIAL —
"Sandy Duncan"
7.52 AZAN ISHA
7.56 MUSICAL SPECIAL — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 SEKITAR TANAH AYER
9.00 PERTANDINGAN BACHAAN AL-KORAN BAGI PERENGKAT DEWASA
10.30 THE WATER MARGINE —
Episode kesebelas.
Yang Chin, sa-orang ashkar yang bekerja di-bawah Kao Chiu, tidak berjaya untok menangkap Lin Chung dan dia merayu untok di-berikan peluang sekali lagi—dan penjahat Chin Mao Hu juga berjanji menyerahkan Liang Shan Po, ka-tangan Kao Chiu.
11.20 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 8HB. JULAI,

PETANG

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 CHILDREN'S FEATURE —
"The Hostages"
6.41 AZAN MAGHRIB
6.45 CHILDREN'S FEATURE — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 STARSKY AND HUTCH —
"Velvet Jungle"
7.52 AZAN ISHA
7.56 STARSKY AND HUTCH — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 BINTANG KECHIL
9.30 BISTARI
10.10 GERMAN SOCCER —
German Barat vs. England
11.00 TAYANGAN MALAM SABTU :
"Short Stories of Love"
Satu filem yang berlainan dari filem2 yang lain di-buat daripada tiga buah cherita2 pendek. Di-bintangi oleh Lorne Greene, Leonard Nimoy dan Juliet Mills.
12.30 SIARAN TAMAT.

TAYANGAN Malam Sabtu minggu ini ada-lah sangat berlainan dari tayangan yang sudah2. Tayangan minggu ini mengandongi tiga buah cherita pendek yang mengesahkan berbagai aspek perchintaan. "Epicas", tajok sa-buah cherita, ada-lah juga nama sa-buah komputer untok masa hadapan. Tetapi Epicas mempunyai emosi saperti manusia dan jatoh chinta pada wanita yang menjalankan-nya.

"The Fortunate Painter" mengesahkan tentang Charlia, sa-orang tukang chat berbangsa Amerika dan Angelique, anak gadis sa-orang pengumpol lukisan berbangsa Peranchis. Mereka sedang berchinta2an tetapi tidak dapat berkahwin kerana ibubapa-nya merasa pehak lelaki tidak mampu menanggong Angelique.

Dalam kesah yang ketiga bertajok "Miss Me Again, Stranger". Cherita ini mengesahkan sa-orang lelaki muda yang pemalu, Mick bertemu sa-orang gadis yang amat di-sukainya. Tetapi dengan tak semena2 ia menghilang dan apa yang di-dapati mengenai diri gadis itu amat mengejutkan.

Filem2 ini di-bintangi oleh Leonard Nimoy, Juliet Mills dan Lorne Greene.

## AHAD — 9HB. JULAI,

PETANG

5.15 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.17 CHOMAT DAN CHOMEL —
5.30 THE MAGIC BALL —
"The Story of the Hunter"
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 ATOM ANT "Up and Atom"
6.41 AZAN MAGHRIB
6.45 THE PARTRIDGE FAMILY — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SIX MILLION DOLLAR MAN —
"The Lost Island" — Bahagian kedua. Peristewa kedua dan terakhir bagi episode ini. Di-bintangi oleh Lee Majors sa-bagai Steven Austin, sa-orang bionic.
7.52 AZAN ISHA
7.56 SIX MILLION DOLLAR MAN — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 SURIA.
9.00 ROOTS — Episode kedelapan.
Pemberontakkan telah berakhir. Bahagian Selatan telah hanchor. Orang2 kulit hitam kini bebas. Tetapi bagaimana-kah abdi2 menempoh dengan berhasil kebebasan baru mereka? Saksikan-lah tayangan filem ini bagi episode terakhir dalam siri ini.
11.00 THAT'S HOLLYWOOD
11.30 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 10HB. JULAI,

PETANG

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE —
6.41 AZAN MAGHRIB
6.45 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CHARLIE'S ANGELS — "Angels On The Air."
Angels bekerja dengan steshen berita2 radio, untok mengetahui siapa-kah yang mengugut sa-orang wartawan yang terkemuka.
7.52 AZAN ISHA
7.56 CHARLIE'S ANGELS — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 SERIKANDI
9.00 ARENA SOKAN: Panaga Golf.
9.30 HAWAII FIVE O —
"Time and Memories"
10.30 THE FEATHER AND FATHER GANG "Two Star Killer"
Untok mempertunjokkan kenyataan sa-orang pembunoh pemandu kereta, Feather dan Harry harus yakin bahawa orang yang menjadi korban itu maseh hidup.
11.20 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 11HB. JULAI,

PETANG

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.42 AZAN MAGHRIB
6.46 SESAME STREET — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 MAN FROM ATLANTIS —
"Man O' War"
Di-bintangi oleh Patrick Duffy sa-bagai Mark Harris, dan Belinda J. Montgomery sa-bagai Dr Elizabeth Merrill yang maseh menyelidek berkenaan dengan lautan.
7.53 AZAN ISHA
7.57 MAN FROM ATLANTIS — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU



MULAI hari Khamis esok, RTB akan menayangkan satu siri baru — How The West Was Won — bagi menggantikan siri The Oregon Trail. Episod pertama dalam siri ini "The Macahans" ada-lah salah satu pengembaraan tiga bahagian yang mengesahkan keluarga Macahan. James Arness berlakun sa-bagai Zeb Machan, sa-orang lelaki pergunongan yang gagah dan bijak. Sejak muda-nya beliau mengembara di-sungai2 dan gunong2 tanah barat yang membentang dari Kanada ka-Mexico. Zeb berazam untok membawa anak2 saudara-nya yang yatim piatu dalam satu perjalanan yang penoh bahaya dari Virginia ka-Oregon. Kerapkali keluarga ini terpaksa menjaga keselamatan mereka sendiri apabila Zeb terlibat dalam perkara2 lain — ia menjadi "orang tengah" yang menyelesaikan pertelingkahan di-antara U.S. Cavaly dengan orang2 Indian; ia juga memulakan rusohan kerbau untok melindongi satu golongan puak India yang menchuba sa-genap tenaga untok tiba dengan selamat ka-tempat tinggal mereka. GAMBAR atas menunjokkan The Macahan Family — untok mengetahui lebeh lanjut mengenai keluarga ini, saksikan-lah siri How The West Was Won pada hari Khamis jam 7.15 malam.

8.30 SEKITAR TANAH AYER
9.00 ENTERTAINERS ON TOURS :
Sacha Distel, France.
9.30 BARETTA — "Anggie"
Sa-orang wanita yang kurang akal kawan kapada Baretta, telah menjadi sasaran bila dia menjadi saksi ka-atas pembunohan sa-orang wanita teman Pegawai Narkotik.
10.20 DOKUMENTARI MELAYU :
National Geographic :
"The Last Vikings?"
11.10 SIARAN TAMAT.

# BERMULA-NYA TALIVISHEN

Oleh
JAMES MILLAR
Pengawal Radio Talivishen Brunei



Awang James Millar

TANGGAL 9hb Julai 1975 ada-lah hari yang bersejarah bagi kita semua di-RTB. Kerana hari itu ada-lah pembukaan rasmi Perkhidmatan Talivishen oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan. Gambar ketibaan baginda telah di-ambil sa-chara terus menerus pada malam itu. Perkhidmatan Talivishen baru telah di-lahirkan — Talivishen Brunei — dan telah menchatet sejarah pada masa2 yang akan datang.

Bagi saya ia bermula pada satu hari di-London dalam bulan Ogos 1974, bila sa-orang wakil Crown Agents menalipon saya dan menjemput saya makan tengah hari. Beberapa hari kemudian saya telah berada dalam VC-10 dalam perjalanan saya ka-Brunei bagi membuat lawatan sambil meninjau. Sa-minggu kemudian saya balek ka-London, dan mengadakan beberapa perundingan dengan BBC bagi memperbantukan kakitangan BBC untok melaksanakan beberapa tugas penting yang di-kehendaki bagi memulakan perkhidmatan itu dengan Visnews sa-bagai perchubaan bagi perkhidmatan berita TV dan juga dengan sharikat2 perfileman untok ranchangan2 yang di-kehendaki bagi pancharan perchubaan itu.

Dari sejak itu bermula-lah untok mendapatkan barang2 keperluan tepat pada waktu-nya. Kerajaan Brunei telah menyatakan kapada saya yang pancharan perchubaan ini hendak-lah bermula pada 1hb Mach 1975 dan perkhidmatan utama-nya hendak-lah di-jalankan sa-chepat mungkin. Masa yang di-berikan ada-lah terlalu sengkat.

Bagaimana Awda memulakan perkhidmatan talivishen? Jawapan-nya ia-lah awak jangan menchuba. Talivishen ada-lah barang yang sulit untok di-laksanakan atau di-mulakan oleh tenaga perseorangan. Kerja2 telah di-jalankan pada bulan Jun 1974 ka-atas projek-nya dengan tunjok ajar dari jurutera2, IBC/Crown Agents dan di-luluskan oleh Kerajaan DYMM. Dan orang yang bertanggong-jawab ka-atas kerja2 ini ia-lah Awang Norman Davey, jurutera BBC dan telah meninggalkan BBC bagi menubohkan firma-nya sendiri ia-itu 'International Broadcasting Consultant'.

Tugas saya sa-bagai Pengawal Talivishen ia-lah untok melihat yang terdapat perkhidmatan talivishen untok di-jalankan dan mengendalikan perkakas2-nya, dengan mengeluarkan ranchangan2 dan berita2 yang dapat menghibor dan di-terima oleh orang ramai dan segala2 ini terpaksa di-sediakan dalam tempoh enam bulan. Chabaran yang pertama saya hadapi ketika kembali ka-Brunei ia-lah menyediakan peruntokan talivishen bagi tahun 1975. Dua tahun sa-belum-nya ketika saya menjadi Pengurus Umom Mid-Western Television, Nigeria, saya telah membuat perkhidmatan baru dari rangka2-nya. Ia merupakan berlainan perkhidmatan bagi satu2 negeri dan dalam keadaan dan suasana yang berlainan. Tetapi pengalaman saya banyak membantu saya dalam melaksanakan kerja2 di-Brunei. Saya tahu rintangan yang harus di-lalui dan saya tahu dari pengalaman, chorak dan bentok kakitangan yang di-mahukan.

Talivishen ia-lah orang. Perkhidmatan talivishen yang baik sama-lah dengan pekerja2-nya yang terator. Kami tahu yang orang2 Brunei akan menghampiri talivishen, maka masa depan-nya hendak-lah terjamin; kami telah mempunyai kakitangan2 yang berkebolehan. Tetapi kami mahukan orang talivishen yang berpengalaman untok memulakan perkhidmatan dan kami harus mendapatkan-nya dengan segera.

BBC telah memperbantukan saramai lima orang kakitangan-nya dan RTS dua orang dan kami mengambil lima orang kakitangan Radio Brunei untok di-lateh dalam talivishen. Kami sangat2 terhutang budi kapada kedua perkhidmatan ini di-atas pertolongan mereka. Kerana ia membolehkan kami memenohkan beberapa tugas2 penting yang kosong.

Pengawas Jurutera kami, Awang W. A. Jackson, mengikut saya pada bulan Januari 1975. Kami pernah bersama di-BBC, Scotland bila waktu itu ia menjadi Jurutera Kanan dan saya sa-bagai Ketua Ranchangan. Kami sama2 pergi ka-Hongkong dan Singapura dengan Public Service Commission untok memberikan latehan. Jadi tidak hairan-lah kami mempunyai kerjasama yang erat.

Kami amat beruntong. Saya selalu mengatakan yang RTB ada-lah perkhidmatan yang beruntong. Ekonomi dunia mengalami kejatohan yang burok pada awal tahun 1975. Terdapat keadaan kemurongan dan kesuraman dan orang ramai khuatir akan masa depan. Kami mendapat belia2 lelaki dan perempuan, sa-tengah2-nya yang terbaik dalam perkhidmatan talivishen Hong Kong, Singapura dan Malaysia yang ingin datang dan membantu untok menjalankan perkhidmatan talivishen berwarna di-Brunei. Dengan keajaiban mereka datang tepat pada waktu-nya untok memulakan perkhidmatan tersebut.

Pada masa itu juga pancharan perchubaan di-mulakan pada 1hb Mach 1975. Mutu warna ada-lah baik dan berjalan lanchar sa-lama empat bulan. Dan bila hari yang bersejarah itu tiba — 9hb Julai 1975 — kami telah sedia. Masa2 ini telah berlalu, kini RTB menghadapi chabaran2 baru dengan pemindahan-nya ka-studio baru. Tetapi ada-lah kejayaan yang besar dalam memulakan talivishen ini — kejayaan ini ada-lah dengan kerjasama dan sokongan yang kami terima dari orang2 yang berkenaan dalam Kerajaan DYMM dan dari raayat Brunei sendiri dan lebeh2 lagi dengan usaha kakitangan2 kami juga kakitangan2 Radio Brunei yang telah banyak menolong melaksanakan perkhidmatan talivishen ini.

Saya tidak akan melupakan tanggal 9hb Julai. Sempena ulang tahun ketiga ini, saya menguchapkan terima kaseh kapada semua rakan2 saya di-RTB dan berjaya di-masa2 akan datang.

# Meninjau perkembangan Bilek Berita RTB

Oleh: BRIAN COLLINS, Ketua Penyunting Berita

BEBERAPA bulan lalu sa-orang pelawat VIP turun dari satu penerbangan Sharikat Diraja Brunei di-Lapangan Terbang Antarabangsa sa-jurus sa-lepas pukol lima dan kurang dua jam kemudian, beliau melihat gambar2 ketibaan-nya melalui berita RTB. Semasa lawatan-nya ka-Brunei, beliau pergi ka-sebuah kampong yang terpenchil pada pukol empat di-satu petang . . . dan juga menyaksikan gambar2 lawatan itu melalui berita kemudian-nya. Beliau merupakan sa-orang yang telah banyak mengembara dan dalam satu uchapan awam kemudian-nya beliau berkata "Ia-nya ada-lah merupakan satu kechekapan perkhidmatan RTB — malah yang paling chekap pernah saya saksikan di-mana2 kawasan di-Asia".

Kami merasa gembira kerana telah dapat memikat hati pelawat itu, tetapi bekerja dengan segala kepantasan ada-lah merupakan satu perkara biasa yang berlaku pada sa-tiap hari di-RTB. Gambar2 TV yang bermutu tinggi memerlukan kerja2 memperoses dan penyuntingan yang berkemahiran sa-belum ia-nya di-siarkan melalui TV Awda. Gambar2 talivishen tidak begitu mudah untok di-siarkan, tetapi ia-nya memerlukan banyak kemahiran2. Bagi berita, segala2-nya mesti-lah di-lakukan dengan chepat. Hanya tiga tahun sa-lepas pelancharan talivishen di-Brunei, perkara yang di-kagumi oleh pelawat VIP tadi, berlaku hampir sa-tiap hari. Pemandangan satu kemalangan bas yang mengerikan telah di-bayangkan melalui berita, hanya kira2 90 minit sa-lepas kemalangan itu berlaku . . . gambar2 sa-orang lelaki yang di-kehendaki oleh pulis telah di-tunjokkan kurang satu jam sa-lepas mangsa-nya mengenali-nya.



Berita sedang ka-udara. Kamera yang di-gunakan ia-lah jenis EMI 2005's buatan British.

Tetapi tidak sa-orang pun yang berpuas hati dengan berita talivishen di-Brunei. Ada-lah menggembirakan untok memperlihatkan gambar2 itu dengan chepat, tetapi kemalangan2 dan drama manusia tidak berlaku sa-tiap hari. Bagaimana pun, kehidupan di-Brunei ada-lah kaya dengan peristewa2 awam yang patut menerima penunton yang lebeh ramai, dan meski pun talivishen mempunyai satu yunit siaran luar yang moden untok meliputi achara2 negara yang besar, peralatan2 untok menjamin laporan yang menchukopi mengenai peristewa2 harian di-Brunei, tidak akan di-gunakan sa-hingga selesai-nya perengkat kedua projek talivishen.



Dewan Raya telah di-ubah-suai untok di-guna kan sa-bagai pentas talivishen sa-laras dengan Yunit Siaran Luar.

Sa-bahagian besar usaha Bilek Berita RTB ia-lah menyiarkan berita asing yang terbaru. Di-sini, sekali lagi kepantasan ada-lah penting dan RTB juga sa-tanding dengan penyiaran berita di-mana2 kawasan di-Asia. Sa-rombongan para wartawan Amerika yang melakukan lawatan berani memperkatakan yang persembahan berita RTB ada-lah lebeh baik dari di-Amerika: dan Amerika telah berkechimpong dalam berita talivishen sa-lama 30 tahun, sedangkan Brunei baru tiga tahun.

Untok memahami bagaimana RTB memperolehi bahan2 berita luar negeri-nya, fikirkan-lah dua komponen yang membentok berita: perkataan2 dan gambar2.

Mula2 perkataan2: perkataan2 atau laporan tiba ka-RTB siang dan malam, tujoh hari sa-minggu pada keseluruhan tahun melalui perhubongan khas dengan dua ajensi berita utama di-Hongkong ia-itu United Press International dan Reuters. Kedua2 ajensi mempunyai para pemberita di-hampir sa-tiap bandaraya utama di-dunia. Mereka sentiasa saja mengirimkan berita2 kapada pusat2 utama UPI atau Reuters di-New York atau di-London. Mereka kemudian-nya dengan sa-chepat mungkin menyalorkan-nya ka-Hongkong untok di-kirimkan kapada RTB atau lain2 surat khabar dan untok menjamin laporan berita itu benar, laporan kedua2 ajensi itu di-teliti dan juga di-bandingkan dengan laporan2 BBC dan Radio Australia.

Satu perkhidmatan tambahan UPI ia-lah membekalkan gambar2 terbaru mengenai peristewa dunia melalui Radio. Gambar2 ini di-terima dari Hongkong di-RTB beberapa kali sa-hari dan menambahkan lagi bahan berita RTB.

Lihat muka (iv)

# TIGA TAHU




Kebawah DYMM dengan di-iringi oleh YAM Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin dan Pengawal RTB, Awang James Millar sedang menyaksikan sa-bahagian dari alat bagi Perkhidmatan Talivishen sa-jurus sa-telah Baginda merasmikan perkhidmatan tersebut.

KELAHIRAN-NYA ada-lah bersama kelahiran harapan2 untok memunchakkan lagi nama baik Brunei Darussalam dalam semua sudut keBruneian. Sa-bagai alat mass-media yang berpengaroh dan berkesan ia di-harapkan sa-umpama chermin yang dapat membayangkan wajah2 Brunei. Tentu-nya harapan2 sa-umpama ini begitu berat, tetapi tidak dapat di-elak, bahkan harus di-laksanakan-nya sesuai dengan fungsi keujudan-nya di-ruang angkasa Brunei atau sa-kurang2-nya ia-nya tidak dapat lari dari apa yang di-lakukan oleh perkhidmatan yang sama di-luar negeri dengan mematohi apa yang di-maukan oleh negeri masing2. Umum-nya, ia-nya lahir ada-lah kerana negeri dan raayat dan ia harus berkhidmat untok itu. Demikian-lah jua umum-nya Talivishen Brunei di-harapkan.

Sejak ia-nya berkhidmat penoh dengan perasmian pembukaan-nya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei pada 9hb Julai, 1975 — tiga tahun yang lalu — Talivishen Brunei telah chuba melangkah untok mengujudkan taraf perkhidmatan yang baik dan memuaskan, dan kadang2 ia begitu deras berlari untok menzahirkan apa yang di-sebut memperbaiki atau improvement itu. Operasi-nya juga begitu deras yang tidak hanya melipat-gandakan pengambilan tenaga2 dalam teknikal, tetapi juga tenaga2 dalam ranchangan2 persembahan-nya. Tentu-nya ia di-banjiri oleh tenaga2 tempatan yang kebanyakan-nya dalam kedudokan pelateh. Ini sering di-harapkan bahawa anak2 tempatan itu akan dapat mengayohkan sendiri perkhidmatan tersebut. Bila?. Mudah2an dalam jangka waktu yang singkat. Semua mengharap begitu.

Dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia berharap semoga perkhidmatan TV berwarna ini akan mendapat kejayaan bagi kebaikan dan kebajikan raayat Baginda yang Baginda kasehi dan bagi pendudok2 Brunei 'am-nya. Baginda juga mengharapkan-nya supaya memainkan peranan yang amat penting sa-bagai saloran perhubongan di-antara Kerajaan Baginda dengan masharakat Negeri Brunei dan di-antara masharakat dengan Kerajaan di-samping menambah pengetahuan raayat terhadap dunia luar dan membantu memajukan lapangan pelajaran dan kebudayaan dan lain2 kemajuan di-negeri ini. Tentu-nya RTB akan berusaha ka-arah itu.



# N USIA TV





Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-
Brunei merasmikan Perkhidmatan Talivishen dalam satu upa-
ngsong di-Studio 'A' (gambar kanan) dan gambar atas menun-
Duli Yang Maha Mulia berangkat meninggalkan bangunan
elaksanakan pembukaan perkhidmatan TV.
ah menunjokkan 300 dari lebeh 500 orang kaki-tangan penoh
idmat dengan Radio Talivishen Brunei.



# BERAPA BANYAK-KAH RANCHANGAN TV TUAN?



Siaran Luar yang pertama di-buat oleh RTB ia-lah upachara Perbarisan Hari Keputeraan DYMM dalam tahun 1976.



Tukang2 kayu menyediakan beberapa set untok di-gunakan dalam beberapa ranchangan.

★ **Berapa jam-kah siaran TV di-pancharkan ?**

★ **Kami memulakan siaran pada jam 5.45 petang hingga-lah ka-larut malam . . .**

★ **Sa-banyak mana-kah terbitan2 tempatan di-keluarkan ?**

—Oleh—
**HARRIS WATTS**
**Pengurus Penerbitan Ranchangan RTB**

Begitu lah perbualan yang sering di-ulang2 sa-tiap kali orang2 talivishen melimpasi Brunei (dan hitong panjang-nya sa-ramai dua orang dalam sa-minggu tiba di-pintu kami selalu-nya untok menjual ranchangan2 — sa-chara berseluroh mereka ini di-gelar carpet-beggars).

**Berapa banyak-kah ranchangan2 tempatan di-terbitkan ?**

Kami mengadakan siaran warta berita sa-lama 15 minit sa-banyak dua kali pada tiap2 malam dan ranchangan berita bergambar sa-lama sa-tengah jam "Sekitar Tanah Ayer" dua kali sa-minggu. Dan pada sa-tiap malam, sekurang2-nya 30 minit lama-nya dengan chorak susunan yang terator — ranchangan untok wanita "Serikandi" pada tiap2 hari Isnin, ranchangan perbinchangan pada tiap2 hari Rabu bertajok "Majlis Perbinchangan", ranchangan untok kanak2 "Sayang Adek-ku Sayang" pada tiap2 hari Juma'at, ranchangan berchorak ugama "Hidayat" pada tiap2 hari Khamis, ranchangan2 berchorak hiboran pada hari2 Sabtu dan Ahad. Dan juga ranchangan puppet sa-lama 15 minit untok kanak2 pada tiap2 hari Juma'at dan Ahad, azan untok menandakan waktu sembahyang dan bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an sa-tiap petang. Pada tiap2 hari Isnin pula sa-panjang tahun ini, sa-buah ranchangan sokan bertajok "Arena Sokan" yang mana dalam tahun ini telah meliputi lebeh dari 15 jenis sokan.

Tetapi ranchangan2 biasa ini hanya-lah mengesahkan sa-bahagian dari hal yang sa-benar. Segala2-nya tidak-lah berjalan saperti biasa di-RTB — selalu terdapat ranchangan atau siri yang khas di-sediakan. Buat masa ini kami sedang sebok menyediakan achara sambuatan Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia (Siaran Luar terus menerus upachara perbarisan di-padang Bandar Seri Begawan, sa-buah filem mengenai adat istiadat di-Lapau, sa-buah ranchangan perlumbaan Grand Prix, empat buah ranchangan istimewa). Dan sa-baik2 sahaja selesai-nya sambutan Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia — pehak talivishen akan menyediakan ranchangan untok menyambut Hari Raya dan berbagai ranchangan istimewa sedang di-susun rapi. Dan kami juga baharu saja menamatkan ranchangan bagi Peraduan Nyanyian Amator Asia dan Perlawanan Piala Dunia. Permainan Tennis Wimbledon sekali lagi di-adakan dan tidak berapa lama lagi Commonwealth Games di-Kanada. Segala2-nya perlu di-tempah dan di-susun, di-teliti dahulu . . . dan kemungkinan perlu untok di-ubah-suai sa-bagai persembahan dari Brunei.

★ **Boleh tahan juga bagi sa-buah steshen TV yang kechil. Berapa buah studio-kah yang ada untok menerbitkan semua ini?**

★ **O . . . . sebenar-nya sa-buah saja.**

Sunggohpun saya sendiri terlibat dalam mengelolakan dan membuat ranchangan2 terbitan tempatan, merasa agak harian melihatkan kesemua hasil2 ini datang-nya dari sa-buah studio sahaja — pada mula-nya merupakan sa-buah studio radio apabila kami memulakan pemancharan tiga tahun yang lalu. Dan tentu sekali ranchangan2 ETV kami di-jalankan dari studio yang sama. Rasa-nya patut-lah juga di-akui bahawa kami sebenar-nya mempunyai satu sa-tengah studio sejak penghujong tahun lepas bilamana Dewan Raya di-kembalikan kapada kami dan di-ubah untok di-gunakan sa-bagai studio talivishen bersama2 dengan Yunit Siaran Luar. Buat masa ini, apa yang dapat kami perolehi hitong panjang-nya hanya-lah sa-buah ranchangan hiboran 40 hingga 50 minit dalam sa-minggu — kerja2 membena hjasan di-pentas, memasang lampu, dan mengadakan latehan2 menyebabkan sukar untok menambah ranchangan2 hiboran tempatan. Tambahan pula kebanyakan dari ranchangan2 hiboran tempatan kami tidak dapat di-jalankan pada hari2 bekerja oleh kerana penyanyi2, penari2, pemain2 muzik dan mereka yang berkenaan masing2 memegang jawatan2 yang tetap. Kami merasa sukar untok menghimpunkan mereka bagi rakaman pada hari2 bekerja.

Tetapi pada tahun hadapan sudah tentu-nya semua-nya ini akan berubah, apabila studio2 baharu yang di-tunggu2 akhir-nya akan dapat di-gunakan; dua buah studio untok kegunaan dan sa-buah studio kechil di-bena khusus untok bahagian berita. Beberapa masaalah kaini untok menchari kemudahan2 akan dapat di-atasi tahun hadapan . . . jika sekira-nva kami dapat mengadakan kakitangan teknikal untok menjalankan jentera2 baharu itu. Bagaimana pula dengan kualiti ranchangan2 kami? (Untok menilai kualiti sesuatu ranchangan memang-lah agak sukar, tetapi sedikit yang ada sudah menchukopi untok mengukor setakat mana kualiti itu.) Tentu-nya terdapat ranchangan2 yang memuaskan dan terdapat juga ranchangan2 yang kurang memuaskan, tetapi saya fikir tentu-lah lebeh ramai yang bersetuju bahawa ranchangan2 yang memuaskan itu ada-lah jauh lebeh banyak dari yang kurang memuaskan. Ada di-antara ranchangan2 yang di-terbitkan oleh penerbit2 tempatan dan pembantu2 penerbitan begitu memuaskan sekali dan telah mengeluarkan terbitan2 yang begitu baik sekali. Dalam siri Peraduan Nyanyian Amator Asia Perengkat Akhir Negeri baru2 ini yang telah kami tayangkan untok penunton kami telah memberi peluang untok menyaksikan sejauh mana-kah kedudokan ranchangan 'Mutika' tempatan kami di-bandingkan dengan Negeri2 lain . . . Saya fikir tentu-lah ranchangan dari steshen talivishen yang termuda dalam AASC setanding dengan negeri2 lain. Dan akhir sekali, pertanda yang baik sekali ia-lah di-mana penunton2 dapat memileh ranchangan2 (saperti penunton2 di-negeri2 jiran Sabah dan Sarawak), dan sekurang2-nya kami ketahui bahawa banyak penunton2 mengikuti siaran2 RTB di-samping siaran2 steshen TV mereka sendiri.

RTB kini berusia tiga tahun — maseh kanak2 lagi, tetapi penoh bertenaga dan membesar dengan chepat-nya. Selamat Menyambut Hari Ulang Tahun.

## BILEK BERITA RTB TELAH MENYIARKAN LEBEH 2,000 BERITA TALIVISHEN DAN BULAN DEPAN ADA-LAH MERUPAKAN HARI ULANG TAHUN KETIGA PERKHIDMATAN BERITA

**Dari muka (i)**

Tidak lama lagi satu lagi ajensi berita ia-itu Associated Press akan memulakan perkhidmatan khas berita Asia. Ini merupakan satu kemajuan yang mengiktiraf pertumbohan dinamis rantau ini dari segi pembangunan dan kemustahakan-nya di-dunia.

Dan sekarang beredar kapada gambar2. Sejak Ogos lalu RTB telah menerima-nya sa-chara tidak langsong melalui satellite dan RTB merupakan yang pertama berbuat demikian di-rantau ini. Saperti mana pemberita, juru2 gambar juga di-tempatkan di-bandaraya2 utama di-dunia. Penggunaan satellite dan saloran2 bumi bermakna filem2 mereka dapat di-kirimkan ka-ibu pejabat Visnews di-London, sa-buah ajensi filem berita yang terbesar di-dunia, dengan hanya mengambil masa sa-lama beberapa jam saja. Kemudian-nya sa-telah di-sunting, Visnews mengirimkan filem2 itu melalui Satellite Lautan Pasifik untok di-terima oleh satu kumpolan steshen2 TV di-merata2 pelusok dunia saperti di-Australia, Jepun dan Hongkong. Termasok dalam kumpolan itu ia-lah sahabat kita di-Radio Talivishen Singapura, yang merakamkan filem berita dari pemancharan satellite lalu mengirimkan-nya ka-RTB melalui salah satu penerbangan harian ka-Brunei.

Dengan chara ini, RTB memperolehi filem mengenai peristewa trajis di-Zaire baru2 ini hanya 12 jam sa-lepas pemileman-nya; dari Stadium Piala Dunia, para penunton dapat mengikuti laporan harian mengenai jagoh2 perseorangan dalam perlawanan2 itu, meski pun pemancharan keselurohan siri telah tidak dapat di-buat; filem2 berita satellite juga telah membawakan pemandangan berwarna-warni mengenai perayaan Hari Keputeraan Baginda Queen di-London dengan hanya mengambil masa sa-lama beberapa jam.

Oleh yang demikian dengan hanya tiga tahun yang begitu sengkat RTB telah dapat mencheborkan diri ka-dalam rangkaian talivishen yang terbesar di-dunia yang terbaru.

Pendudok di-seluroh negara telah menerima pembacha2 berita RTB sa-olah2 sa-bagai tetamu tetap di-rumah2 mereka dan di-mana saja Awda tinggal di-Brunei ini, berita mengenai daerah Awda sudah pasti akan di-siarkan melalui TV hanya beberapa jam sa-lepas ia-nya berlaku. Tetapi kaki-tangan bilek berita di-belakang berita RTB maseh lagi berusaha sedaya upaya untok menghasilkan berita yang lebeh baik, dengan laporan2 yang lebeh mendalam tentang hal-ehwal tempatan dan lebeh banyak latar-belakang dalam pengendalian berita2 antarabangsa. Dan teknoloji ada-lah di-pehak mereka, dengan peralatan2 elektronik baru yang mungkin di-bekalkan bagi keperluan mereka dalam liputan berita tempatan dan di-steshen satellite bumi yang di-jadualkan di-buka tahun depan di-jangka akan membantu membawakan berita antarabangsa yang lebeh terbaru.




### kerja harian penyunting berita



Lebeh dari 20 orang pekerja di-Bahagian Pereka untok menyediakan set dan grafik.

TUGAS2 yang lazim di-kendalikan oleh Penyunting Berita Kanan RTB, Awang Mahari bin Ismail, meliputi berbagai kerja dari menyunting filem2 berita terbaharu satellite dari merata pelusok dunia hingga mengarahkan kakitangan2 studio dalam penyiaran berita TV sa-chara langsong.

Berikut ada-lah tugas2 tertentu bagi sa-tiap penyunting.

| | |
|---|---|
| 11.40 pagi | menyunting berita dunia terbaharu dari ajensi2 berita. |
| 12.15 tengah hari | memberikan penjelasan kapada pembacha berita sa-belum berita di-siarkan. |
| 2.30 petang | menyunting berita dunia dari cassette yang di-terima melalui satellite. |
| 3.50 petang | mengkaji berita dalam negeri yang di-filemkan oleh jurugambar RTB. |
| 4.15 petang | dalam bilek berita, bersama rakan sekerja yang membuat skerip2 berita. |
| 6.10 petang | membuat keputusan terakhir . . . . persediaan untok mengarah berita TV yang pertama bagi siaran sa-hari. |

# SUSUNAN RANCHANGAN MINGGUAN RADIO

## RABU

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; 8.00—Sain dan perusahaan (SU); 8.30—Chitra Irama; 9.00—Dendang Antarabangsa; 9.30 — Cherpen dan Selokan-nya; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran Selingan; 10.30 — Permintaan pagi Rabu; 11.30—Autograph pendengar. **T/HARI:** 12.00 — Tahu kah awda (SU) — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Apa kata mereka (SU); 1.30 — Persembahan pancharagam (SU). **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja; 6.00—Tafsir Al-Koran (SU) — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Permintaan perajurit; 7.30 — Dari Bengkel Penulis/Mutiara Hikmat; — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — — Belia Zaman Ini; 9.00 — Terima-lah Sampul Surat; 9.30 — Hiboran Pilehan; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## KHAMIS

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; 8.15—Rampaian London; 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Dendang sa-irama (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Taman Mekar (SU); 11.00 — Salam dari ku (SU); 11.30 — Rampaian irama. **T/HARI:** 12.00 — Selingkar Madah; 12.15 — Hiboran rampaian tengah hari, — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Tahu Kah Awda (ulangan); 1.30 — Ragam Mudi Mudi. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03—Harian Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00 — Mari Berzikir — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan Hari Ini. **MALAM:** 7.30 — Hidayat; 7.30 — Permainan gambus — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mari berpantun (SU); 9.00 — Sandiwara Radio (US); 9.30 — Ku Sampaikan Salam; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## APA PILEHAN AWDA



DAYANG Fatimah H.S., No. 5, Kampong Setia Pahlawan, Brunei akan mendapat peluang untok memileh lagu2 dalam ruangan hiboran 'Apa Pilehan Awda' minggu ini.

Lagu2 pilehan Dayang Fatimah akan ka-udara pada hari Jumaat 7hb Julai, jam 9.00 pagi dan siaran ulangan-nya pada hari Sabtu jam 9.30 pagi.

## JUMAAT

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Dendang Suria; 8.00—Untok kaum tani; 8.30 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.00 — Apa pilehan awda; 9.30 — Tafsir Al-Koran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Soalan di-udara/apa pendapat awda; 10.30 — Kursus Al-Koran; 11.00 — Kuiz/Berbalas Pantun; 11.30—Hidayat (SU). **T/HARI:** 12.00—Permainan gambus (SU); 12.30—Menunaikan sembahyang fardhu Jumaat, siaran langsong dari Masjid Omar Ali Saifuddin; 1.15 — Irama padang pasir; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Selingan irama; 2.00 — Belia zaman ini; 2.30 — Suara Dari Bintang; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Panorama Radio/Kursus di-radio; 3.30 — Dari Bengkel Penulis/Mutiara Hikmat (SU) —Azan untok fardhu Asar; 4.00—Dari Pengalaman Awda/Suara P.T.E. (SU); 4.30 — Sajak dan irama; 5.00 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama Di-Senja; 6.00 — Irama lagu2 asli; 6.30 — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Cherpen dan selokan-nya; 7.30 — Dokumentari — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Siri Sejarah Brunei; 9.00 — Autograph pendengar; 9.30 — Cheramah Minggu Ini; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong ria; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SABTU

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15 — Hiboran Sambil Sarapan; 8.00 — Soalan di-udara apa pendapat awda (SU); 8.15 — Dendang antarabangsa; 9.15 — Majallah Commonwealth; 9.30 — Apa pilehan awda (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Selingan irama; 10.30 — Kursus Radio (SU) dan Panorama Radio (SU); 11.00 — Hiboran pilehan; 11.30 — Dari bintang ka-bintang (SU). **T/HARI:** 12.00—Peristiwa dunia minggu ini; 12.30 — Hiboran rampaian tengah hari — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Documentry Radio (SU); 1.30 — Permintaan hari Sabtu. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Buloh Perindu; 6.15—Irama padang pasir — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Chitra irama (SU); 7.30 — Bertuturan (SU); — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Selingkar Madah (US); 8.45 — Dari Pengalaman Awda; 9.00 — Kuiz/Berbalas Pantun (US); 9.30 — Suara P.T.E. (SU), Hidangan Melayu Asli; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.30—Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## AHAD

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Dendang Suria; 8.30 — Mari Berpantun; 8.00—Majallah Radio; 8.30—Dunia Wanita; 9.00 — Keluarga Si-Awang; 9.30—Taman Mekar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30 — Permainan Pancharagam; 11.00 — Terima-lah Sampul Surat; 11.30 — Hello siapa di-sana; **T/HARI:** 12.00 — Sandiwara radio; 12.30 — Rampaian tengah hari — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Pesta ria; 1.45 — Bualan minggu ini. **PETANG:** 2.15 — Suara Pulis Diraja; 2.45 — Hiboran; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Bertuturan (ulangan); — Azan untok fardhu Asar; 4.00 — Arena sokan; 4.30 — Siri Sejarah; 5.00 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Mari Melanchong; 6.00 — Buloh Perindu; 6.15 — Persembahan aneka instrumental — Azan untok farhdu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Suara parajurit — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Apa kata mereka; 9.00 — Keluarga Jaya; 9.30 — Mari berzikir; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 —Siaran Melayu di-tamatkan.

## ISNIN

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran Sambil Sarapan; 8.00—Peristiwa dunia minggu ini (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Sain dan perusahaan (BBC); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang dengan ku; 10.30 — Suara parajurit (SU); 11.30 — Senandong irama. **T/HARI:** 12.00 — Mari Melanchong (SU); 12.15—Hiboran rampaian tengah hari; — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Keluarga jaya (SU); 1.30 — Permintaan jiran tetangga. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Hiboran di-senja; 6.15 — Irama padang pasir — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Arena sokan (SU); 7.30 — Keluarga Si-Awang (SU) — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Dari Pendengar Untok Pendengar; 9.00 — Untok kaum tani; (SU); 9.30 — Serbanika persembahan; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SELASA

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; 8.00—Dunia wanita (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30—Rampaian London (SU); 9.45—Hiboran Pilehan; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Senandong ria; 10.30 — Serbanika Persembahan (SU); 11.00 — Majallah radio/meninjau sambil lalu; 11.30 — Pusparagam; **T/HARI:** 12.00 — Cheramah minggu ini; — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Dari Pendengar Untok Pendengar (SU); 1.30 — Pelajaran dewasa di-udara/dunia pelajar (SU). **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02—Harian Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Persembahan Aneka Instrumental — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Bualan minggu ini (SU); 7.30 — Salam dari ku — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban: 8.30 — Suara Pulis Diraja (SU); 9.15 — Sajak Irama dan Budaya (SU); 9.45 — Senandong Asli; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

# RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

## WEDNESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Lunch Music. NOON: 12.00 — Music in Changing Moods produced by Nafisah Haji Ali (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — International Money Programme; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — My Word; 8.30 — Midweek Greeting by Ja'afar Yaakub; 9.15 — New; 9.30 — Dateline; 10.00 Jazz Club — hosted by Tajul Ahmad; 10.30 — Close Down.

## THURSDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon — we invite you to hop aboard our non-stop musical express. NOON: 12.00 — My Word (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Rock Line; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Young Sounds with Tajul Ahmad; 8.30 — "Our Brunei" produced by Evelyn Samuel; 9.00 — Sports Magazine; 9.15 — News; 9.30 — International Call; 10.00 — Music For Easy Listening with Sheikh Abas; 10.30 — Close Down.

## FRIDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement—Tajul Ahmad Calling On You; NOON: 12.00—Our Brunei (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — The Singing Bamboo by Shirley Don; 1.00—Close Down. 8.00—Opening Announcement — Our Local Entertainers produced by Sheikh Abbas; 8.30 — "Whose Body", Episode 4, "Shell-shock" by Dorothy Sayers; 9.00 — Light Music from Netherlands; 9.15 — News; 9.30 — Music In Changing Moods produced by Nafisah Haji Ali; 10.00—BBC World Report; 10.15 — A Date with ........... 10.30 — Close Down.

## SATURDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement—From Our Local Entertainer (repeat); 11.30—Women's World produced by Evelyn Samuel; NOON: 12.00—The Best of Clitheroe (repeat); 12.30 — News; 12.45 — Agriculture-Key to Living; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Top of The Pops; 8.30 — Just For Variety; 9.00 — The Singing Bamboo by Shirley Don (repeat); 9.15 — News; 9.30 — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 10.30 — Close Down.

## SUNDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half Hour with Veronica Shim; 11.30 — The Sixth Form Calling produced by Tajul Ahmad; NOON: 12.00 — Forum by Charan Chand; 12.30—News; 12.45—World of Education; 1.00 Close Down. 8.00—Opening Announcement — Does the team think; 8.30 — Be My Guest — introduced by Charan Chand; 9.00 — Perspective; 9.15 — News; 9.30 — Exploring The Classics with Siti Azra produced by Hajjah Zainah; 10.30 — Close Down.

## MONDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 Opening Announcement — Music-Go-Round... an uninterrupted programme of music and songs for your listening pleasure. NOON: 12.00—The Sixth Form Calling (repeat) 12.30 — News; 12.45 — What Fascinates Me by Evelyn Samuel; 1.00 — Close Down. 8.00 —Opening Announcement — Monday's Night Mail presented by Hajjah Zainah; 8.45 — The Best of Clitheroe; 9.15 — News; 9.30 — Perspective; 9.45 — Theatre Forty-Five; The Hotel in Amsterdam by John Osborne; 10.30 — Close Down.

## TUESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement—Housewives' Special. NOON: 12.00 — Be My Guest (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Science Journal; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special Featuring "Roy Wood's Wizzo Band Side 2; 8.30 — It's All Yours by Veronica Shim; 9.00 — From Ticket, Tape, and Telephone; 9.15 — News; 9.30 — Hello Tomorrow; 10.00 — Hits In Germany; 10.30 — Close Down.

# KEJOHANAN BOLA-KERANJANG ANTARA UNIT2 A.M.D.B.

BERAKAS. — Unit dari Markas Pasokan yang bergabong dengan Chawangan Udara Askar Melayu Diraja Brunei telah munchol sa-bagai johan dalam perlawanan akhir bola-keranjang antara unit2 dalam Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei yang telah di-adakan pada petang Rabu lepas.

Kejohanan tersebut di-perolehi sa-telah menewaskan Unit Pusat Latehan dengan kiraan mata 66 berbalas 31 di-dalam perlawanan itu yang telah di-langsongkan di-Dewan Permainan Perkhemahan Askar Melayu Diraja Brunei di-sini.

Sa-banyak lima unit dari pasokan itu telah menyertai perlawanan tersebut di-perengkat awal yang telah di-adakan pada 20hb Jun lalu, tetapi tiga unit dari-nya yang terdiri dari Unit Angkatan Laut Pertama, Unit Battalion Pertama dan Unit Battalion Kedua telah tewas.

Perlawanan itu juga adalah merupakan kali pertama ia-nya di-adakan dalam Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei antara unit2 dan ia-nya merupakan kegiatan sokan tahunan pasokan AMDB.

Hampir 200 orang anggota termasok pegawai2 kanan AMDB telah menyaksikan perlawanan itu yang berakhir dengan penyampaian hadiah2 kapada pasokan yang bertanding di-mana pasokan Unit Markas Pasokan dan Chawangan Udara telah juga menerima oskar kejohanan mereka dari Lt. Kol. C. J. Bowden.





KELIHATAN Unit Markas Pasokan dan Chawangan Udara bergambar dengan hadiah2 dan oskar kejohanan mereka (gambar atas), semen tara gambar sa-belah, Lt. Kol. Bowden sedang menyampaikan oskar kejohanan kapada pemain Unit yang berjaya dan gambar bawah jaringan masok bola dari Unit Markas Pasokan dan Chawangan Udara ka-keranjang Unit Pusat Latehan.








LAGI gambar2 di-sekitar Perbarisan Tamat Latehan Pengambilan yang ke-44, Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei pada 23hb Jun yang lalu di-Perkhemahan Bolkiah, Berakas dan upachara menerima lantekan selaku Pegawai Kadet AMDB.

Gambar sa-belah kiri, Dato Paduka Awang Haji Abdullah sedang memasang pangkat kapada Pegawai Kadet Haji Said di-upachara menerima lantekan selaku Pegawai Kadet di-Mess Pegawai AMDB Perkhemahan Bolkiah, manakala gambar bawah Dato Paduka Awang Haji Abdullah sedang memereksa perbarisan lepasan rekrut dan gambar sa-belah kanan, beliau ketika menyampaikan oskar rekrut terbaik kapada perajurit Meris bin Liram yang terbaik dalam menembak HK13, perajurit Meris ada-lah juga salah sa-orang yang menerima lantekan sa-bagai Pegawai Kadet hari itu.





## Latehan Ketenteraan 'A' Kompeni

BERAKAS. — Sa-banyak tiga platon dari 'A' Kompeni Battalion Pertama AMDB sedang menjalani latehan ketenteraan di-dua daerah negeri ini yang telah bermula pada 4hb kelmarin dan akan berakhir pada 7hb Julai (lusa).

Latehan tersebut yang di-bahagikan kapada tiga kumpolan, ia-itu platon satu akan menjalani 'latehan terus hidup' (survival exercise) bertempat di-dalam hutan Daerah Temburong. Mereka hanya membawa bekalan makanan yang terhad dan sedikit perkakas keperluan tentera untok bekalan sa-lama tiga hari.

Platon kedua akan membuat 'latehan perjalanan chepat' (force march) yang bermula dari Daerah Belait dan mereka di-jangka sampai ka-Perkhemahan Berakas di-sebelah petang hari ini.

Manakala platon ketiga pula akan menjalani latehan berdayong (canoeing) yang bermula di-ulu Sungai Temburong (Batang Duri) dan di-jangka sampai menghabiskan perjalanan mereka ka-Pekan Bangar ada 7hb Julai dalam pukul 11.00 pagi.

# S.M. BEBULOH JOHAN SOKAN ANTARA SEKOLAH2 MELAYU BRUNEI III

## S.M. JUNJONGAN NAIB JOHAN



KELIHATAN Penolong Pegawai Daerah Brunei/Muara menerima penghormatan dari peserta sokan dalam perbarisan hormat berjalan lalu.

MASIN.—Sekolah Melayu Bebuloh telah munchol sa-bagai johan di-dalam temasha Sokan Antara Sekolah2 Rendah Melayu Brunei III Kali Ke-18 yang telah di-adakan di-padang Sekolah Melayu Masin disini pada hari Isnin 26hb Jun lalu.

Sokan yang di-adakan sa-hari itu mengandongi 23 achara. Lebeh dari 400 orang murid dari 20 buah sekolah telah mengambil bahagian.

Ia-nya telah di-rasmikan oleh Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Abd Hamid bin Ismail yang juga telah menerima barisan hormat berjalan lalu oleh para peserta.

Tempat kedua telah dimenangi oleh Sekolah Melayu Junjongan manakala Sekolah Melayu Baru2 pula telah berjaya mendudoki tempat ketiga.

Pada tahun lalu yang menjadi johan dalam sokan tersebut ia-lah Sekolah Melayu Panchur Murai.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Tuan Haji Zaman bin Haji Abd Kadir, Ketua Kampong Masin di-akhir temasha.



SA-BAHAGIAN dari peserta temasha Sokan Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei III, sedang berbaris dengan bendera sekolah masing2.



SALAH satu achara dalam temasha sokan itu ia-lah lumba lari skipping.



ACHARA menggelek piring besi bahagian perempuan.

## HOKI SEKOLAH2 M/BAWAH

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perengkat akhir perlawanan hoki bagi Sekolah2 Menengah Bawah Bahagian Perempuan telah di-menangi oleh Sekolah Persediaan Inggeris Tutong bagi kumpulan "A", sa-telah mengalahkan Sekolah Inggeris Persediaan Inggeris Belait dengan 2 gol tidak berbalas.

Sementara itu dalam kumpulan "B" pula, Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin telah mengalahkan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim.

Perlawanan hoki itu di-anjorkan oleh Jabatan Pelajaran sa-bagai projek tahunannya.

## BRUNEI /MUARA PILEH WAKIL SEPAK TAKRAW

BANDAR SERI BEGAWAN.—Daerah Brunei dan Muara telah memileh wakil2-nya untok menyertai Perlawanan Akhir Sepaktakraw Perengkat Negeri yang dijadualkan akan di-adakan di-sini pada 25hb Julai ini.

Perlawanan tersebut di-anjorkan oleh Persekutuan Guru2 Melayu Brunei sempena menyambut Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang ke-32 tahun.

Dalam bahagian 'A' daerah tersebut akan di-wakili oleh Kelab Intan dan Angkatan Laut Pertama Askar Melayu Diraja Brunei manakala dalam bahagian 'B' pula ia-nya akan di-wakili oleh Pergerakan Belia Bersatu Bunut dan Kelab Intan.

SEPAK RAGA BULATAN

Sementara itu, pada hari yang sama juga, empat pasokan yang telah terpileh di-jangka akan beradu dalam Perlawanan Sepak Raga Bulatan.

Pasokan tersebut ia-lah; Persatuan Kubu, Persatuan Perkasa, Pergerakan Belia Bunut dan Kelab Intan.

Perisai dan Oskar2 Rebutan ada-lah merupakan hadiah2 yang akan di-hadiahkan kapada pemenang2 di-kedua2 perlawanan tersebut.

## PERLAWANAN TAREK KALAT

GADONG. — Perlawanan perengkat akhir tarek-kalat antara pasokan Pulis telah di-langsongkan di-Ibu Pejabat Pulis Gadong sini minggu lalu. Perlawanan tersebut di-bahagikan kapada dua bahagian, ia-itu bagi peserta yang mempunyai berat 150 paun ka-atas dan 150 ka-bawah.

Dalam bahagian 150 paun ka-atas telah di-menangi oleh Pasokan Ibu Pejabat Pulis sementara bahagian 150 ka-bawah telah di-menangi oleh Pasokan Pulis Simpanan.

Perlawanan tersebut di-anjorkan oleh Majlis Sokan Pasokan Pulis Diraja Brunei, sa-bagai salah satu projek tahunan-nya.

Di-antara yang turut hadhir menyaksikan perlawanan itu ia-lah Pesurohjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid dan pegawai2 kanan Pulis.

Sementara itu, perlawanan2 tarek-kalat bagai pasokan2 di-Daerah Belait dan Brunei telah di-langsongkan minggu lalu untok memileh johan ka-perengkat negeri. Ia-nya sa-bagai salah satu achara menyambut perayaan hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei ke-32.



**Gambar kiri menunjokkan achara tarek-kalat Pasokan Pulis di-Ibu Pejabat Pulis Gadong, yang baru lalu.**

## *Kejohanan Badminton Sa-Negeri*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlawanan badminton perengkat akhir sa-negeri bagi kejohanan2 perseorangan dan bergu telah di-langsongkan di-Pusat Belia sini minggu lalu. Sa-banyak empat perlawanan telah di-adakan.

Dalam kejohanan perseorangan terbuka, Awang Mahmud Pengarah Digadong Haji Abu Bakar telah mengalahkan Awangku Ishak Pengiran Mohammad manakala dalam bahagian veteran Paul Chia telah mengalahkan Awang Untong Abdul Rahman.

Dalam kejohanan bergu terbuka, Awang Mahmud dan pasangan-nya Awang Shamsuddin telah berjaya mengalahkan Captain Yahya dan pasangan-nya Sarjan Jaidin.

Bahagian bergu veteran pula, Chua Kong Soo dan pasangan-nya Victor Leong telah mengalahkan Ibrahim Ja'afar dan pasangan-nya Paul Chia.

Perlawanan itu di-anjorkan oleh Persatuan Badminton Negeri Brunei sempena menyambut hari ulang tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei ke-32.

# MENUNTUT DI-GREAT BRITAIN

Pengiran Mustapha menulis dari LONDON



(Sambongan)

## TIBA DI-GREAT BRITAIN

UNITED Kingdom banyak mempunyai lapangan terbang. Heathrow ialah lapangan terbang antarabangsa yang utama bagi United Kingdom. Pesawat2 terbang dari Asia Tenggara dan lain2 negara dalam dunia mendarat di-lapangan terbang ini. Bahagian bangunan yang mengendalikan penumpang2 antarabangsa yang tiba di-Heathrow Airport itu di-namakan Terminal 3. Sa-baik2 sahaja penuntut mendarat di-lapangan terbang itu, penuntut akan melalui beberapa peratoran. Apabila sampai dibahagian Imigeresen, berbaris-lah dalam barisan pemegang2 passport dari negara2 Commonwealth. Jangan-lah ikut barisan bagi pemegang2 passport British. Passport kita itu bukan-lah British Passport dalam istilah antarabangsa tetapi "Brunei British Passport".

Pegawai Imigeresen akan memereksa passport dan sijil kebenaran masok, surat keterangan yang mengakui ada tempat belajar, surat jaminan tentang perbelanjaan atau keterangan dermasiswa. Bila perkara2 itu sudah tiada rintangan maka passport akan di-chap untok kebenaran tinggal kerana menuntut. Sila ambil ingatan lama kebenaran tinggal itu di-beri.

Sa-lepas itu pergi pula ka-tempat pemereksaan kesihatan. Di-sini-lah ditunjokkan laporan kesihatan yang di-bawa dari Brunei itu termasok sijil suntekan. Sekira-nya dokumen2 yang di-kehendaki oleh Pegawai2 Imigeresen dan Kesihatan itu tidak dapat di-tunjokkan atau tidak memuaskan keterangan-nya, penuntut akan menempoh beberapa kesusahan. Jika nasib tidak baik, tidak dapat kebenaran masok.

Manakala semua berjalan dengan baik, maka penuntut di-benarkan beraleh ka-bahagian tempat memungut barang. Oleh sebab bangunan itu terlampau kusut (complicated), penuntut mesti-lah mengamati tanda2 penerangan yang menunjokkan di-mana mendapatkan barang2 kepunyaan sendiri itu, umpama-nya penerangan yang menunjokan tempat bagi barang2 penumpang mengikut nombor penerbangan masing2.

Jika barang atau beg itu berat untok di-jinjing, dapatkan-lah gerabak sorong (trolley) untok membawa barang itu. Sabelum penumpang dapat keluar dari bangunan itu di-mestikan melalui pemereksaan kastam. Ada dua bahagian ia-itu pemberi tahu fasal barang2 chukai dan tanpa chukai. Sekira-nya ada membawa barang2 baru di-beli saperti radio, kamera dan sa-umpama-nya, elok-lah di-nyatakan barang2 tersebut kapada Pegawai Kastam. Selalu-nya apabila kita bersifat jujor barang2 tersebut akan lepas dari chukai. Akan tetapi jika di-dapati menyembunyikan barang2 yang boleh di-kenakan chukai, burok-lah akibat-nya dan bala pula padah-nya.

Dari sana baru-lah penumpang di-benarkan beredar keluar dari peratoran rasmi.

Jarak turun dari kapal terbang hingga ka-tempat Kastam itu lebeh kurang sa-suku batu jumlah perjalanan.

Masa berjalan dan menyelesaikan peratoran rasmi masok ka-negeri itu lebeh kurang sa-jam jika semua berjalan lanchar. Jika tidak, banyak lagi hitongan jam-nya. Sa-panjang yang saya ketahui sudah terdapat tiga orang penuntut dari Brunei tidak di-benarkan masok ka-negeri ini sejak dalam tahun 1976 di-sebabkan masaalah2 peratoran Imigeresen. Mereka di-hantar balek ka-Brunei. Elakkanlah dari terjadi bilangan ke-empat.

Keluar dari bahagian Kastam itu baru-lah penumpang dapat melihat penyambut2 dan penyambut2 melihat penumpang. Masing2-lah kenal mengenali. Sekira-nya tiada orang menyambut di-Terminal Tiba itu, dapatkan Bahagian Penerangan untok meminta panggilkan nama orang yang sapatut-nya menyambut itu atau meminta pertolongan jika ada kemuskilan. Boleh juga hubongi Pejabat Ajensi Kerajaan Brunei jika mendapat kesusahan. Rumah Brunei dan Pejabat Ajensi ia-lah di-35-43 Norfolk Square, London W2 1RX ia-itu kira2 15 batu dari Heathrow Airport. Nombor talipon Rumah Brunei 402-0953 dan Pejabat Ajensi 402-0045. Bagi penuntut dermasiswa tidak akan menempoh masaalah tiada orang menyambut itu. Ajensi Kerajaan Brunei sa-chara rasmi akan menghantar wakil-nya untok menyambut kedatangan penuntut itu di-lapangan terbang asalkan makluman dari pehak Kerajaan di-Brunei mengenai kedatangan penuntut itu diterima dengan jelas.

Ada tiga chara pengangkutan untok membawa penumpang2 dari Heathrow Airport ka-Kota London. Pertama, dengan taxi tambang-nya antara £6 hingga £10. Ini bergantong kapada banyak barang yang di-bawa dan jauh tempat yang dituju. Menggunakan taxilah yang paling mudah tetapi mahal tambangnya. Kedua, ia-lah menaiki bas lapangan terbang khas bagi penumpang2. Bas itu hanya akan membawa penumpang dari Heathrow Airport ka-Victoria Air Terminal London dan tambang-nya £1 sa-orang. Dari Victoria Air Terminal terpaksa menggunakan taxi ka-tempat yang di-tuju dan tambang-nya lebeh kurang £2 atau £3. Chara ketiga ia-lah menaiki kereta api bawah tanah dari Heathrow Airport dan boleh membawa ka-sa-tiap Underground Station di-London. Tambang-nya 80p sa-orang. Penuntut yang baru pernah ka-London ada-lah tidak di-galakkan menggunakan kereta api bawah tanah itu kerana banyak kekusutan-nya untok di-atasi.

Chara mendapatkan pengangkutan di-Heathrow Airport itu sangat mudah. Banyak tanda2 penerangan terdapat dalam kawasan Terminal itu. Sekira-nya berkehendakkan apa2 penerangan, jangan-lah segan untok bertanya kapada sa-siapa pun. Malu berkayoh, perahu hanyut dan malu bertanya, sesat jalan.

Ada-lah di-nasehatkan supaya penuntut menghantar postcard atau surat dengan segera kapada ibu bapa di-Brunei untok memaklumkan ketibaan penuntut itu dengan selamat.

Tujuan penuntut berhijrah ka-Great Britain ialah untok menuntut ilmu pengetahuan dan berchita2 untok menchapai kelulusan akademik yang tinggi. Dalam usaha menyempurnakan tujuan morni itu hendak-lah disedari bahawa ada salah satu kemungkinan akan terjadi ia-itu kejayaan atau kegagalan. Untok mengelakan kegagalan, penuntut mesti-lah waspada supaya jangan terpesong dari tujuan asal berhijrah keluar negeri itu. Usaha untok menchapai kejayaan boleh di-buat, tiada suatu sebab mengapa usaha untok mengelak kegagalan tidak dapat di-lakukan. Hendak-lah balek ka-Brunei dengan "glory" dan bukan dengan "sorry".

Penuntut akan bermastautin sementara di-Great Britian, dalam perkataan lain sa-bagai pendudok sementara. Perasaan penuntut akan berubah apabila sudah berada di-negeri itu. Kegembiraan sabelum bertolak dari Brunei akan bertukar dengan tiba2 kapada perasaan ingin pulang ka-Brunei (homesick). Pengalaman saperti ini tidak dapat dielak dan telah terjadi kapada sa-tiap orang yang datang ka-negeri ini apa tah lagi pendatang dari Brunei. Perkara itu akan menjadi masaalah dan merunsingkan fikiran penuntut. Penuntut mestilah tabah menghadapi-nya dan bersabar kerana lambat laun keadaan itu akan dapat di-atasi dalam masa yang sengkat,

Keadaan dalam serba serbi di-negeri itu sangat berlainan dengan keadaan di-Brunei. Antara perkara2 yang menjadi masaalah dan enigma itu ia-lah perbedzaan iklim, 'adat resam, kebudayaan, penyesuaian hidup, tempat tinggal, sekatan2 imigeresen, keadaan politico-economic dan sosial dan lain2. Saya tidak berniat untok menakutkan penuntut yang akan berhijrah ka-negeri itu, tetapi chuba tumpang mengingatkan saja kerana masaalah2 itu pasti akan di-tempoh tetapi tidak-lah menggegarkan.

Bagi meredakan pengalaman baru itu molek-lah di-chari jalan penyelarasan. Dalam usaha ka-arah itu jangan-lah jadi pak turut dan hilang daratan lantas berpegang tegoh kapada peribahasa, masok kandang kambing mengembek dan masok kandang kerbau menguak. Moral peribahasa demikian pada pendapat saya tidak dapat di-terima keselurohan-nya. Saya lebeh bersetuju jikalau penuntut berpedoman dengan ajaran pepatah yang berbunyi: buat baik berpada2 buat jahat jauh sekali.

Masaalah2 tersebut boleh di-katakan sa-bagai chabaran yang harus ditangkis lebeh awal sabelum ia menjadi darah daging dalam kehidupan penuntut semasa berada di-Great Britian. Jika tidak di-atasi, masaalah2 itu akan mengganggu pelajaran penuntut. Apabila pelajaran sudah terganggu musnah-lah chita2 dan hanchor-lah harapan. Saya berpendapat bahawa jalan yang baik untok mengatasi masaalah2 itu ialah antara-nya mengemukakan masaalah2 yang dihadapi itu kapada pehak yang berkenaan untok meminta tolong mengatasi-nya atau dapatkan nasehat yang wajar.

(Bersambong)



Kumpolan Nashid Pasokan Pandu Puteri Pertama, johan dalam bahagian perempuan.

# UNDANG2 PELANCHONGAN DI-KUAT-KUASAKAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, telah memperkenankan satu undang2 mengenai Ajen Pelanchongan yang akan di-kuat-kuasakan pada tarikh yang akan di-istiharkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, melalui kenyataan dalam Warta Kerajaan, sedikit masa lagi.

Undang2 itu bertujuan bagi mengadakan sharat2 meleseni wakil2 ajen pelanchongan dan bagi mengator urusan perniagaan mereka. Pengendalian undang2 itu, di-pertanggongjawabkan kapada Lembaga Kemajuan Ekonomi.

Pemangku Pengarah Lembaga Kemajuan Ekonomi, Awang Omar bin Haji Serudin, ketika di-temui oleh wakil Pelita minggu ini menyatakan, salah satu tujuan Undang2 Ajen Pelanchongan itu ia-lah untok mengadakan kawalan kapada ajen2 pelanchongan di-negeri ini pada menyingkirkan dari terdapat-nya akibat2 sampingan dari industri pelanchongan yang lebeh di-kenal dengan "Tourism Pollution" (Kechemaran Pelanchongan).

Pada ketika ini, tambah-nya lagi, Brunei tidak-lah berhabis2an untok menarek pelanchongan demi untok mendapatkan ringgit pelanchong tetapi ingin menjaga nama baik Brunei dari pandangan mata pelanchong2 luar negeri dengan membawa kenangan manis mengenai Brunei.

Kata-nya, Undang2 Ajen Pelanchongan itu tidak akan memberikan tempat kapada ajen2 pelanchongan yang mengamalkan antara lain kejejian akhlak dan Brunei yang Darussalam ini tidak-lah ingin di-jadikan tempat pasaran maksiat atau perlindongan pengedar dan penageh dadah.

Apabila Undang2 Ajen Pelanchongan itu di-kuat-kuasakan nanti, semua ajen2 pelanchongan di-kehendaki mendapatkan lesen bagi menjalankan perusahaan tersebut dan ada-lah menjadi satu kesalahan bagi ajen2 yang menjalankan perusahaan itu tanpa lesen. Lembaga Kemajuan Ekonomi boleh, dengan kebenaran Menteri Besar menghadkan bilangan lesen2 yang akan di-keluarkan di-bawah undang2 itu.

Tiap2 pemegang lesen itu hendak-lah juga mempamerkan lesen-nya atau salinan lesen yang di-akui benar di-suatu tempat yang mudah di-lihat di-tempat perniagaan-nya dan di-tiap2 chawangan atau wakil pemegang lesen itu ada menjalankan perusahaan-nya. Jika bukan pemegang sa-suatu lesen di-dapati ada menggantong atau mempamerkan-nya di-pejabat, rumah atau tempat perniagaan ada-lah menjadi kesalahan. Sesiapa jua yang melanggar atau gagal mematohi sharat2 itu boleh di-hukum jika di-dapati thabit kesalahan-nya suatu denda sa-banyak $10,000 atau hukum penjara sa-lama dua tahun atau kedua2-nya sa-kali.

Pemangku Pengarah Lembaga Kemajuan Ekonomi itu mengharapkan kapada ajen2 pelanchongan di-negeri ini supaya segala ranchangan2 bagi perkembangan pelanchongan hendak-lah sa-boleh2-nya juga akan dapat di-nekmati oleh pendudok2 di-negeri ini dan jangan-lah sampai di-dalam menarek pelanchong2 itu segala kemudahan2 yang di-adakan menjadi suatu pertandingan bagi pelanchong dan pendudok.

Beliau menasehatkan kapada ajen2 pelanchongan di-negeri ini supaya menarek pelanggan2 yang datang ka-Brunei dengan menggambarkan kapada mereka apa sebenar-nya yang boleh di-dapati dalam negeri ini yang sememang-nya mempunyai penarekan2 tersendiri.

## Gabongan Peniaga2 Melayu akan di-tuboh

BANDAR SERI BEGAWAN. — Gabongan Peniaga2 Melayu di-negeri ini akan di-tubohkan dalam satu perjumpaan yang akan di-langsongkan di-Dewan Peringatan Churchill di-sini pada hari Ahad 9hb Julai ini jam 8.00 pagi.

Antara lain tujuan penubohan Gabongan Peniaga2 Melayu itu, ia-lah untok merapatkan lagi perhubongan peniaga2 Melayu di-negeri ini pada menggalakkan serta merebut peluang kemudahan dalam bidang perniagaan dan perusahaan yang telah di-sediakan oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia.

Ini telah di-nyatakan oleh pehak penganjor gabongan itu kapada Pelita minggu ini.

Menurut-nya lagi, chita2 untok melihat peniaga2 Melayu atau kaum bumiputera berkechimpong aktip dalam bidang perusahaan dan perniagaan di-negeri ini, ada-lah sesuai dengan hasrat dan chita2 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia demi untok meninggikan lagi taraf hidup kaum bumiputera di-lapangan tersebut.

Pehak penganjor itu mengharapkan serta menjemput orang ramai khas-nya peniaga2 Melayu yang berkechenderongan 'am-nya supaya akan hadhir di-perjumpaan tersebut, bagi mendokong chita2 yang berkebajikan itu.

Dalam perjumpaan itu juga akan di-adakan satu cheramah khas perniagaan, perusahaan dan sharikat kerjasama yang akan di-sampaikan oleh pegawai2 dari Jabatan Kemajuan Kerjasama dan Lembaga Kemajuan Ekonomi.

# PASOKAN BOMBA JOHAN NASHID SA-NEGERI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kumpolan Nashid pasokan Bomba Brunei telah berjaya menjadi juara nashid bahagian lelaki seluroh negeri dalam satu peraduan sempena menyambut Isra' dan Me'raj yang di-langsongkan di-Dewan Raya dan di-siarkan sa-chara langsong melalui TV pada malam hari Ahad lepas.

Juara nashid seluroh negeri bahagian perempuan telah di-sandang oleh kumpolan Nashid Pandu Puteri Pertama, Brunei.

Naib Johan bagi kumpolan nashid lelaki jatoh kapada kumpolan Kelas Dewasa Kor'an Jabatan Kerja Raya, Bandar Seri Begawan dan tempat ketiga di-menangi oleh kumpolan nashid Kelas Kor'an Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

Naib Johan bagi kumpolan nashid perempuan pula jatoh kapada Kumpolan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan dan tempat ketiga di-menangi oleh Kumpolan Nashid Nurul-Huda dari Kuala Belait.

Sa-banyak 10 pasokan — lima kumpolan nashid lelaki dan lima kumpolan nashid perempuan dari seluroh negeri telah menyertai pertandingan peringkat akhir itu.

Sambutan Isra' dan Me'raj itu telah di-rasmikan oleh Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz yang telah juga menyampaikan uchapan khas di-majlis itu. Turut beruchap ia-lah Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain.

Datin Hajjah Zaharah binte Haji Idris, Ketua Pegawai Kebajikan telah menyampaikan hadiah2 di-majlis itu.

Satu diklamasi Puisi Hidayat telah juga di-persembahkan pada malam itu dan majlis itu telah di-saksikan oleh kira2 500 orang hadhirin di-Dewan Raya dan beribu2 orang penunton TV sama ada di-sekitar Brunei mahupun di-luar Brunei di-mana siaran-nya dapat di-ikuti.

Dari muka 1

Kata-nya, Umat Islam terutama sekali kaum intelek wajib memahami dan melaksanakan pada memberi chontoh ka-arah itu dengan penoh keyakinan semata2 kerana Allah jua.

Y. B. Pehin berharap supaya konsep2 saperti itu akan sama2 di-popularkan agar seluroh masharakat dan negara akan terus mendapat jaminan daripada Allah.

Y. B. Pehin berkeyakinan bahawa dalam menchapai darjat keta'atan dan ketakwa'an yang sa-demikian itu, kehidupan yang berasaskan hukum Islam tidak-lah akan menjadikan kita orang yang mundor atau menjadi "kera sumbang" di-tengah2 dunia moden sekarang.

Y.B. Pehin berpegang bahawa Allah Subhanahu Wata'ala yang menshari'atkan Ugama-nya, lebeh mengetahui akan keperluan2 sa-benar bagi kesejahteraan serta kemuliaan kita yang memang di-jadikan-Nya sa-bagai mahklok yang terbaik dan terpileh daripada lain2 makhlok.

Maka itu, atas konsep ta'at dan takwa, Yang Berhormat menyeru seluroh raayat supaya bertawakkal kapada Allah Subhanahu Wata'ala — bersama2 sa-bagai satu kumpolan raksasa tenaga Islam pada melangkahkan kaki kanan ka-hadapan, menempoh dan memasoki satu sejarah gemilang bagi Negeri Brunei Darussalam dan segala raayat di-dalam-nya di-bawah pimpinan yang bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan.

## Wakil ka-sidang Islam Asia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Mufti Kerajaan, Yang Di-muliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz dan Pegawai Ugama Kanan, Awang Haji Abdul Aziz bin Juned telah berlepas ka-Pakistan pada hari Isnin lepas untok menghadhiri Persidangan Islam Asia Yang Pertama di-Karachi.

Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Haji Ismail di-undang khas ka-persidangan tersebut manakala Awang Haji Abdul Aziz sa-bagai wakil negeri ini. Persidangan sa-lama tiga hari itu akan bermula pada hari Khamis, esok.

Antara yang akan di-binchangkan dalam persidangan itu ia-lah mengenai perkembangan Islam di-dunia dan lain2 perkara.

Perwakilan dari negara2 Islam di-Asia Tenggara menghadhiri persidangan tersebut.

## Bumiputera sentiasa di-galakkan berniaga

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menerusi Jabatan Bandaran telah pun menyediakan 'tamu' di-semua daerah negeri ini bagi menggalakkan kaum bumiputera untok mengambil bahagian dalam mengendalikan bidang perusahaan dan perniagaan.

Ini telah di-tegaskan oleh Yang Berhormat Awang Abdul Latif bin Awang Abdul Hamid yang mengetuai rombongan Ahli2 Yang Berhormat dalam perjumpaan mereka dengan penamu2 di-ibu negeri pada hari Ahad yang baru lalu.

Kata-nya, penyesuaian tempat yang lebeh baik termasok menyediakan segala kemudahan yang di-perlukan sedang dan akan terus di-usahakan, tetapi apa yang penting ia-lah pengguna2 kemudahan itu perlu-lah menjaga keselamatan dan kebersehan-nya supaya akan lebeh menarek, sesuai dengan kehendak2 menjaga kebersehan bandar.

Yang Berhormat Awang Abdul Latif mengingatkan kapada penamu2 supaya akan terus menitekberatkan kebersehan tamu bagi mengelakan merebak-nya penyakit berjangkit dan lain2 kesusahan yang mungkin timbul.

"Jika sampah sarap di-tempat berniaga itu di-biarkan atau di-ambil indah tak indah, ada-lah di-khuatiri penyakit2 yang berjangkit akan merebak dan jika ini berlaku ia-nya sudah tentu akan mengendalakan perniagaan2 di-situ", jelas-nya.

Dalam pada itu, tambah Yang Berhormat itu lagi, ada-lah perlu bagi kita mengekalkan keamanan dan ketenteraman agar semua pehak akan terus menekmati-nya.

Ini, jelas-nya, akan juga membolehkan penamu2 untok menjalankan perniagaan dan perusahaan tanpa gangguan dan di-samping itu kita dapat menyokong penoh chita2 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada membuat usaha2 yang berkebajikan untok raayat dan negara.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.